



buletin Mutiara

PERCUMA



16 – 31 Oktober 2012



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Hayati pengorbanan, mengharap pengampunan, perteguh keimanan. Selamat Hari Raya Aidiladha 1433H daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang.

Lebihan kewangan RM138 juta Pulau Pinang diiktiraf Jumlah tertinggi dalam sejarah negeri

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN - Laporan Ketua Audit Negara 2011 baru-baru ini mengiktiraf Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memperoleh RM138 juta lebihan kewangan.

Jumlah itu sekaligus menunjukkan surplus Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM105 juta atau 312 peratus kepada RM138 juta berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM33 juta.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, lebihan surplus paling tinggi dalam sejarah negeri adalah hasil usaha gigih rakyat Pulau Pinang dan semangat berpasukan semua anggota pentadbiran Kerajaan Negeri.

Malah, katanya, pentadbiran Cekap, Akauntabel dan Telus atau CAT Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) membolehkan surplus naik RM105 juta dalam setahun ke rekod RM138 juta berdasarkan kenaikan hasil dikutip yang naik RM192 juta atau 47 peratus daripada RM411 juta pada tahun 2010 kepada RM603 juta (2011).

“Surplus tersebut dapat dicapai sungguhpun perbelanjaan mengurus naik RM88 juta atau



EMPAT wakil jabatan yang menerima anugerah tertinggi empat bintang daripada Jabatan Audit Negara mempamerkan replika cek RM10,000 bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis penghargaan khas di sini baru-baru ini. Gambar oleh : MOHD. HAFIZ TAJUDIN.

23 peratus daripada RM377 juta pada 2010 kepada RM 465 juta (2011).

“Ini adalah lebihan surplus paling besar dalam sejarah Pulau Pinang dan inipun kali pertama kita pecah angka (lebihan kewangan) melebihi RM100 juta,” ujar beliau baru-baru ini di Komtar, di sini.

Pentadbiran Guan Eng konsisten memperoleh lebihan kewangan sejak tahun 2008 yang berjumlah RM88 juta, diikuti, RM77 juta bagi tahun 2009.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri juga

berterima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz melalui kenyataan beliau dalam laporan *Free Malaysia Today Online* baru-baru

i n i y a n g mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas pengurusan kewangan baik negeri, khususnya dalam menaikkan kutipan hasil sebanyak 47 peratus atau RM 192 juta.

Tambah Guan Eng, sungguhpun prestasi kewangan adalah yang paling baik dalam sejarah negeri Pulau Pinang,

Kerajaan Negeri menerima teguran Laporan Ketua Audit Negara dengan hati terbuka.


“Saya telahpun mengarahkan jawapan daripada semua jabatan berkenaan sekiranya ada kelemahan yang harus diperbaiki ataupun ada teguran audit yang tidak berdasarkan fakta ataupun disebabkan oleh kesilapan pihak lain dan bukannya melibatkan Kerajaan Negeri,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri, di sini baru-baru ini turut memuji kepimpinan Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang mengamalkan sikap kepedulian terhadap rakyat.

“Pencapaian Pulau Pinang dari segi pengurusan perbelanjaan, kewangan dan hal-hal berkaitan kebijakan rakyat cukup membanggakan.

“Saya membuat lawatan ke sini hari ini untuk mengucapkan tahniah sendiri kepada Pulau Pinang di atas kejayaan serta prestasi cemerlang yang dicapai. Saya bangga jadi ahli parlimen dari Pulau Pinang,” kata Anwar.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Guan Eng turut mengumumkan pemberian saguhati kepada empat Jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang diiktiraf cemerlang serta menerima anugerah tertinggi empat bintang daripada



Wang AAPB akan diguna bina rumah mampu milik

GEORGE TOWN - UMNO dan akhbar perdana, Utusan Malaysia (Utusan) terperangkap dengan fitnah jahat dan permainan perkauman apabila mempersoalkan Kerajaan Negeri tidak menggunakan Akaun Amanah Perumahan Bumiputera (AAPB) sebanyak RM33.6 juta untuk membina 10,000 rumah kos rendah dan mampu milik sebaliknya laporan Ketua Audit Negara 2011 menyatakan bahawa akaun amanah tersebut meningkat 58 peratus kepada RM33.6 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sebelum ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dituduh bahawa tidak menubuhkan akaun amanah sedemikian (AAPB) untuk membantu membina rumah untuk orang Melayu/bumi.

Namun, tegasnya, apabila fitnah tersebut dibuktikan kini, tiada pihak yang memohon maaf, sebaliknya memutarbelit fakta mendakwa bahawa Kerajaan Negeri menganiayai orang Bumi dan Melayu

dengan tidak menggunakan wang tersebut untuk membina rumah mampu milik. Fitnah jahat berkenaan mempermudahkan ideologi perkauman untuk menanam kebencian dalam kalangan rakyat dan mengancam pemimpin Kerajaan Negeri, khususnya beliau sebagai Ketua Menteri.

“Sekiranya Kerajaan Negeri menggunakan wang akaun amanah (AAPB) terdahulu, akan datang pula tuduhan jahat Utusan dan UMNO bahawa Kerajaan Negeri tidak mahu menggunakan wang sendiri untuk membina rumah mampu milik sebaliknya guna wang bumi.

“Maka untuk mengelakkkan tuduhan sedemikian, wang Kerajaan Negeri digunakan dahulu. Lagipun wang akaun amanah tidak mencukupi kerana untuk membina 350 unit rumah kos sederhana rendah, kos pembinaan tanpa kira kos tanah adalah menjangkau RM35 juta,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, Ketua Pembangkang Pulau Pinang dan Pengurus PERDA,

Datuk Azhar Ibrahim menyeleri Kerajaan Negeri tidak mahu menggunakan wang akaun RM33.6 juta untuk membina 10,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik.

Tambah Guan Eng, fitnah jahat Utusan dan UMNO terserlah dengan kenyataan Azhar yang tidak masuk akal.

“Ini bermakna hanya perlu RM 3,360 untuk membina sebuah unit! Saya ingin melihat PERDA bina rumah kos rendah dan mampu milik dengan kos RM 3,360 seunit – mustahil dilakukan,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri memberi jaminan akan menggunakan wang AAPB untuk membina rumah mampu milik.

“Ia akan dibuktikan dengan rumah pangsa dan bukan dengan kata.

“Kerajaan Negeri akan menepati janji bukan macam Barisan Nasional (BN) yang masih belum menepati janji yang dibuat 28 tahun dahulu untuk membina rumah kelamin bagi anggota Tentera

Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di Bertam, Kepala Batas.

“Mengapa UMNO, Utusan dan Azhar tidak mempersoalkan apakah faedah kepada angkatan tentera dan negara kalau 330 tanah yang diambil alih tidak digunakan untuk membina rumah kelamin, tetapi disewa hanya dengan harga RM7,000 sebulan?,” soal Guan Eng.

Sungguhpun tanggungjawab kerajaan pusat untuk membina rumah mampu milik, namun, Kerajaan Negeri telah mencatatkan rekod dengan memperuntukkan RM500 juta untuk membina rumah mampu milik di seluruh negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan pulau.

Sekjak 2008, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berjaya membina 4,000 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dengan 8,000 unit lagi disumbangkan pihak swasta menjadikan keseluruhan berjumlah 12,000 unit.

Empat jabatan cemerlang terima pengiktirafan Kerajaan Negeri

•Dari muka surat depan

Jabatan Audit Negara.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP), Jabatan Kewangan Negeri (JKN), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) masing-masing menerima saguhati RM10,000

daripada Kerajaan Negeri.

Guan Eng berkata, mesyuarat Exco Kerajaan Negeri memutuskan untuk memberi saguhati RM15,000 kepada mana-mana jabatan berwajib yang berjaya mendapat pengiktirafan yang sama daripada Jabatan Audit Negara bermula tahun depan.

“Mulai tahun depan, Kerajaan Negeri akan beri RM15,000 sebagai galakan kepada semua jabatan untuk berusaha mencapai empat bintang,” ujar beliau.

Selain Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Phee Boon Poh dan Law Choo Kiang, Wong Hon Wai serta Danny Law

Heng Kiang antara Exco Kerajaan Negeri yang hadir pada sidang media tersebut.

Hadir bersama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) dan Datuk Mohd. Salleh Man (Yang Dipertua MAINPP merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir).

SINDIR MUTIARA

Oleh: SAM



Hanya RM23.9 juta yang tidak dibelanjakan - KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Peruntukan yang tidak dibelanjakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebenarnya hanya RM23.9 juta disebabkan projek berwajib kerajaan pusat lewat dimulakan di negeri berkenaan.

Demikian penjelasan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini semasa mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2011 yang menegur Kerajaan Negeri kononnya tidak membelanjakan kira-kira RM386.2 juta.

“Sebenarnya, hanya RM23.9 juta yang tidak dibelanjakan dan bukannya RM386 juta.

“RM 23.9 juta tidak dibelanjakan kerana projek bermula lewat dan jabatan telahpun diarahkan untuk memastikan kelewatian dapat dilakukan,” ujar beliau dalam satu sidang media bersama-sama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy baru-baru ini.

Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Phee Boon Poh, Law



<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) bersalaman mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri, barisan kepimpinan negeri, usaha gigih rakyat dan semangat berpasukan semua anggota pentadbiran Kerajaan Negeri berhubung pencapaian cemerlang Pulau Pinang berdasarkan Laporan Audit Negara 2011 di sini baru-baru ini.

Choo Kiang antara Exco Kerajaan Negeri yang hadir pada sidang media di Komtar, di sini.

Hadir bersama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri) serta Datuk Mohd. Saleh Man (Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang merangkap

Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir).

Laporan tahunan itu antara lain menyebut, sebanyak RM557.25 juta peruntukan membabitkan sembilan jabatan sepatutnya dibelanjakan bagi menjalankan 2,489 projek pada tahun lepas.

Namun, menurut laporan itu lagi, sejumlah RM171.05 juta

dibelanjakan, manakala, baki RM386.2 juta tidak dibelanjakan.

Guan Eng berkata, baki RM362.3 juta yang tidak dibelanjakan itu disebabkan RM100 juta yang diperuntukkan untuk pengambilan tanah hub pendidikan Asian Women Leadership University atau AWLU di Kampung Genting, Balik Pulau



tidak dibelanjakan apabila AWLU bersetuju memilih tapak Kerajaan Negeri di Pondok Upah.

“Oleh itu, pengambilan tanah di Kampung Genting dibatalkan dan kos RM100 juta dijimatkan,” ujar Guan Eng.

Manakala, RM262.3 juta jelasnya, diperuntukkan untuk membayar hutang pinjaman projek bekalan air yang tidak perlu lagi

dibelanjakan selepas perjanjian penghijrahan aset air kepada kerajaan persekutuan menerusi Perbadanan Aset Air Bhd. (PAAB).

“Ini adalah kerana kerajaan persekutuan diperlukan membina Empangan Air Mengkuang dan mengambil alih hutang pinjaman ini sebagai prasyarat Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan aset air kepada PAAB.

Tuntas dari itu, katanya, Laporan Ketua Audit Negara telahpun menyatakan bahawa daripada 2,489 projek yang telah diluluskan pada 2011, sebanyak 2,455 projek, iaitu 98.6 peratus telah siap sepenuhnya.

“Hanya dua perbelanjaan besar sebanyak RM 362.3 juta tidak dijalankan kerana lewat berjalan projek,” tegas beliau.

Tahniah, hutang tertunggak negeri paling sikit!

GEORGETOWN – Pulau Pinang mencipta sejarah tersendiri apabila diumumkan sebagai Kerajaan Negeri paling sedikit mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kepada kerajaan pusat bagi tahun lepas, iaitu sebanyak RM2.59 juta sahaja.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa mengulas Laporan Ketua Audit Negara 2011 itu baru-baru ini berkata, pencapaian tersebut disebabkan Kerajaan Negeri komited membayar balik hutang mengikut tempoh yang dijadualkan oleh kerajaan pusat.

Pun begitu, katanya, kerajaan pusat seharusnya mencari jalan strategik untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri lain dalam membayar balik pinjaman tertunggak masing-masing.

“Pulau Pinang, saya kira terlalu lurus lah...bayar, bayar, bayar (dan) bayar, akhirnya hutang kita (Kerajaan Negeri) paling kecil, iaitu RM2.59 juta,” ujar beliau

dalam satu sidang akhbar bersama-sama Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Phee Boon Poh dan Law Choo Kiang, Wong Hon Wai serta Law Heng Kiang antara Exco Kerajaan Negeri yang hadir pada sidang media di Komtar di sini.

Laporan Ketua Audit Negara 2011 mendedahkan, tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri yang berakhir pada akhir tahun 2011 menyaksikan Kerajaan Negeri Kedah paling banyak berhutang, iaitu sejumlah RM836.30 juta, diikuti Terengganu (RM452.57 juta), Pahang (RM445.83 juta), Johor (RM432.29 juta), Negeri Sembilan (RM218.19 juta), Kelantan (RM197.12 juta), Melaka (RM138.25 juta), Perlis (RM113.79 juta), Selangor (RM60.70 juta), Sabah (RM55.77 juta), Sarawak (RM51.15 juta), Perak (RM43.94 juta) dan Pulau Pinang (RM2.59 juta).

TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK					TEMPOH*
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		31.12.2010	ANUITI TAHUN 2011	BAYARAN	PENJADUALAN SEMULA/PELARASAN	31.12.2011	
	BIL.	(%)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	(Tahun)
Kedah	100	83	83.0	738.88	103.45	(9.92)	3.89	836.30	1 - 13
Terengganu	96	82	85.4	454.50	59.07	(59.43)	(1.57)	452.57	1 - 13
Pahang	118	79	66.9	355.28	99.15	(5.34)	(3.26)	445.83	1 - 10
Johor	107	18	16.8	724.57	45.65	(32.62)	(305.31)	432.29	1 - 13
Negeri Sembilan	49	15	30.6	180.99	40.85	(5.67)	2.02	218.19	1 - 16
Kelantan	32	24	75.0	173.52	38.12	(14.52)	-	197.12	1 - 7
Melaka	67	49	73.1	100.11	40.86	(0.18)	(2.54)	138.25	1 - 6
Perlis	41	21	51.2	112.47	23.59	(6.35)	(15.92)	113.79	1 - 17
Selangor	25	3	12.0	656.40	57.86	(21.01)	(632.55)	60.70	1 - 7
Sabah	86	3	3.5	67.43	138.83	(201.94)	51.45	55.77	1 - 13
Sarawak	161	8	5.0	71.02	93.09	(114.61)	1.65	51.15	1 - 4
Perak	64	31	48.4	11.39	40.11	(7.59)	0.03	43.94	2 - 14
Pulau Pinang	39	4	10.3	154.03	34.48	(4.50)	(181.42)	2.59	1 - 7
JUMLAH	985	420	42.6	3,800.59	815.11	(483.68)	(1,083.53)	3,048.49	1 - 17

Nota: (*) - Tempoh Tunggakan Bagi Pinjaman Dalam Negeri Sahaja.

Tuntas dari itu, Guan Eng menasihatkan pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri merangkap

Menteri Kewangan supaya mencari jalan untuk membantu semua Kerajaan Negeri melangsinkan hutang-hutang tertunggak masing-masing.

“Saya mungkin minta tindakan yang sewajarnya lah (dilakukan oleh kerajaan pusat),” ujar beliau.

Permainan politik punca kelewatan serahan sumbangan pelajar emas

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

SUNGAI DUA - Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memohon maaf kepada rakyat di negeri berkenaan atas kelewatan Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan Program Pelajar Emas berjumlah RM100 yang didakwa berpunca oleh permainan politik Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Wee Ka Siong.

"Sepatutnya 110,000 ibu bapa kepada pelajar emas boleh terima sumbangan sejak bulan Ogos tahun lepas, tetapi ini Wee Ka Siong (ka Siong) halang sekolah bekerjasama dengan kita (Kerajaan Negeri).

"Saya sungguh-sungguh minta maaf sungguhpun yang halang pelajar-pelajar emas kita dari menerima wang ini adalah Wee Ka

Siong (ka Siong)," ujar beliau di Dewan Besar Sungai Dua, di sini.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), A.Thanasekaran (Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam), Jusni Ismail (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, SPU) turut hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Anak Emas dan Pelajar Emas Peringkat Daerah SPU.

Guan Eng berkata, pemberian sumbangan kepada 224 pelajar emas di Daerah Timur Laut pada 16 Oktober lepas adalah upacara simbolik anjuran Kerajaan Negeri sahaja.

Beliau berkata, seramai 36,907 pelajar emas dari Tahun 1 dan 4 serta Tingkatan 1 dan 4 yang berdaftar dengan Kerajaan



ANTARA penerima sumbangan Program Pelajar Emas.

Negeri sebenarnya layak untuk menerima sumbangan RM100 secara 'one-off' secara berperingkat.

Itu, tidak termasuk 18,208 anak emas yang berdaftar dan layak menerima RM200.

"Untuk Majlis di Daerah SPU



PASANGAN kembar yang menerima sumbangan dibawah Program Anak Emas Kerajaan Negeri.

hari ini (6 Oktober lepas), seramai 2,455 anak emas layak menerima dan sebagai simbolik, kita menjemput 90 anak emas untuk diraikan, manakala, 270 orang

menerima bagi kategori Pelajar Emas," ujar beliau sambil meminta mereka yang layak supaya menuntut sumbangan dari Pejabat Daerah masing-masing.

Kepada Semua Ibu-bapa di Pulau Pinang

Salam Bersih!

Skim Pelajar Emas Negeri Pulau Pinang

Sejak mengambil tumpuk pemerintahan pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah menjalankan urustadbir Kerajaan berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). CAT telah memperlihatkan pentadbiran bersih yang mencatatkan lebihan Bajet setiap tahun dan mengurangkan hutang negeri sebanyak 95% iaitu daripada RM630 juta pada 8 Mac 2008 kepada RM30 juta pada 31 Disember 2011.

Kejayaan ini membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan program-program 'emas' dan membasmikan kemiskinan tegar dalam tempoh masa setahun, sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang berjaya berbuat demikian. Melalui program emas ini, Kerajaan Negeri pada setiap tahun memberikan RM100.00 kepada warga emas, golongan OKU dan ibu tunggal. Di bawah program emas ini juga, Kerajaan Negeri memberikan RM1,000.00 secara one-off (sekaligus) bagi waris warga emas untuk tujuan pengurusan jenazah dan bagi mahasiswa emas yang memasuki IPTA. Dalam pada itu, sebanyak RM200.00 juga diberikan kepada setiap anak kelahiran baru.

Program emas terbaru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah program pelajar emas di mana Kerajaan Negeri memberikan RM100.00 kepada pelajar-pelajar Darjah 1 dan 4 serta Tingkatan 1 dan 4 bagi setiap tahun.

Program-program emas ini adalah merupakan 'dividen anti-rasuah' iaitu hasil kejayaan Kerajaan Negeri PR memerangi rasuah. Ini membuktikan bahawa dengan adanya sebuah Kerajaan yang bersih, maka rakyatnya akan menerima dan menikmati faedah yang sepatusnya. Kerajaan Negeri PR memberikan jaminan akan melaksanakan bayaran skim emas ini pada setiap tahun kerana yakin pentadbiran bersih yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri PR kini boleh menjamin pendapatan untuk membiayai program ini. Lagipun pembayaran ini adalah berdasarkan lebihan atau untung Bajet dan bukannya pinjaman yang hanya akan membebankan hutang untuk anak-anak kita pada masa depan.

Marilah kita terus berusaha menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
LIM GUAN ENG

Mengapa RM1,626 juta hutang tertunggak Perwajahapus kira? - KM

GEORGETOWN - Hutang syarikat Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. (Perwaja) berjumlah RM1,625.68 juta yang dihapus kira bermula tahun lepas sebagai bagaimana disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011 terus dipersoal.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan wajarnya memberi penjelasan sebenar kepada rakyat memandangkan syarikat gergasi itu diketahui pasti memperoleh keuntungan perniagaan serta masih disenarai dalam Bursa Malaysia.

"Saya rasa itu yang kita nak tanya, mengapa Perwaja sekarang ada untung dan disenarai dalam Bursa Malaysia, mengapa hapus kira," soal beliau dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Langkah pentadbiran Najib dipertikai gara-gara Laporan Ketua

Audit Negara 2011 yang diedarkan baru-baru ini ada menyebut, "Peruntukan akan disediakan bagi menghapus kira hutang Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. bermula tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2027."

Menurut laporan tahunan itu, sebanyak 26 syarikat daripada 61 syarikat yang menerima pinjaman daripada kerajaan pusat diumumkan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman.

Selain Perwaja, tunggakan bayar balik pinjaman kedua tertinggi adalah Uda Holdings Bhd., iaitu sebanyak RM287 juta, diikuti dengan Cyberview Sdn. Bhd. (RM280 juta), Syarikat Perumahan Negara Berhad (RM223.40 juta), Malaysia Venture Capital Bhd. (RM220.91 juta), Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (RM165.58 juta) dan Malaysia Debt Ventures Bhd. (RM150 juta).

"Ini semua pinjaman oleh syarikat-syarikat, tetapi gagal bayar balik (tunggakan)," tegas Guan Eng.



Mana rumah kelamin TUDM?

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberi penjelasan berhubung isu tanah seluas 330 ekar milik Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di Butterworth yang disewakan kepada sebuah syarikat dengan kadar sewaan RM7,000 sebulan.

Menurut Guan Eng, tapak kawasan tersebut sepatutnya dibina rumah kelamin TUDM.

Beliau difahamkan bahawa tapak tersebut telahpun diambilalih oleh Kerajaan Negeri pada 1982 dengan bayaran pampasan bernilai RM5,148,000 atau RM15,600 seekar.

“Selepas proses pengambilalihan tanah siap, geran tanah telah pun

dipindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada 23 Februari 1984.

“Akan tetapi, sehingga kini, selepas 28 tahun masih tiada rumah kelamin TUDM yang dibina, sebaliknya, tanah tersebut yang terdiri daripada pokok kelapa sawit kini disewa dengan harga RM7,000 sebulan dengan tempoh sewaan adalah tiga tahun setiap penggal dan

akan tamat pada Jun 2013,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mempersoalkan faedah yang diperoleh angkatan tentera dan negara sekiranya tanah yang diambilalih tidak digunakan untuk membina rumah kelamin, sebaliknya disewa dengan kadar yang murah.

“Apakah keistimewaan

syarikat yang dapat sewa dengan harga yang begitu murah ini dan apakah sumbangannya kepada rakyat?.

“Saya harap Zahid bolehlah memastikan kepentingan angkatan tentera, rakyat dan negara kita dipelihara serta dibela dengan membina rumah kelamin seperti yang dijanjikan 28 tahun yang lalu,” tegas beliau.

Negeri mengorak langkah ‘Sebuah Keluarga Seorang Hafiz’

Oleh: **AINUL WARDAH SO-HILLI**

GEORGE TOWN – Datuk Haji S.A. Abdullah Abdul Rahman Bukhari, 79 dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh al-Hafiz sempena Majlis Penyampaian Anugerah dan Sumbangan al-Huffaz kali ke-5 tahun 1433H/2012 di sini baru-baru ini.

Beliau yang kini menjadi Imam Masjid Kapitan Keling sejak 1976 merupakan anak kelahiran Pulau Pinang dan pernah mendapat anugerah Tokoh Maal Hijrah dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 1990. Malah, beliau juga memperoleh Pingat Kelakuan Terpuji (1992), Darjah Johan Negeri (1996) dan Darjah Setia Pangkuhan Negeri (2007) Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran Datuk.

Menyelusuri hayat beliau, beliau merupakan salah seorang penghafaz al-Quran terawal di Pulau Pinang dan kini menjawat pelbagai jawatan antaranya, Penasihat Liga Muslim sejak 1985, menjadi ahli Jawatankuasa (AJK) Dana Wakaf Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), AJK Fatwa Negeri, AJK Syariah MAINPP dan merupakan guru takmir di masjid sejak 1976 lagi.

Pada majlis yang sama, Maryam Khairina Hairul Johan, 15, menerima Anugerah al-Hafiz Termuda, manakala Ustaz Mohd. Naeem Hashim, seorang pensyarah di Maahad al-Ihsaniah, Simpang

Ampat, Seberang Perai Selatan menerima Anugerah Guru al-Hafiz.

Bagi Hajjah Rokiah Din, 63, seorang ibu tunggal yang menyara 10 anaknya setelah kematian suami dinobatkan sebagai penerima Anugerah Keluarga al-Hafiz tahun 1433H. Tiga daripada 10 orang anaknya telah menjadi penghafaz al-Quran dan keluarga beliau sering menjadi contoh teladan kepada masyarakat setempat.

Bagi Anugerah Khas al-Hafiz, Zulkepeli Hamat, 51, terpilih sebagai penerima. Beliau yang mempunyai kelulusan Sarjana Muda Sains dan Matematik dari Universiti Western Illinois, Amerika Syarikat dan Sarjana Sains dan Matematik dari Universiti Sains Malaysia lumpuh setelah diserang angin ahmar. Beliau berjaya menghafaz 30 juzuk pada usia 51


tahun dan dianugerahkan Sijil Hafazan al-Quran dari Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) pada Mac lalu.

Majlis yang disempurna Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas turut dihadiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim

Guan Eng; Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Yang Arif Datuk Seri Zakaria Sam; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk



MARYAM Khairina Hairul Johan (kanan sekali) menerima Anugerah al-Hafiz Termuda sempena Majlis Penyampaian Anugerah dan Sumbangan al-Huffaz kali ke-5 1433H/2012 di sini baru-baru ini.



S.A. Abdullah Abdul Rahman Bukhari.

Abdul Halim Hussain; Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Exco Hal Ehwal Agama,

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Datuk Sazali Hussein.

Menurut Abdul Malik, Pulau Pinang kini rancak mengatur langkah untuk melahirkan seorang penghafaz al-Quran bagi setiap keluarga, ‘Sebuah Keluarga Seorang Hafiz’. Malah, kita (Pulau

Pinang) turut mensasarkan pembangunan generasi huffaz yang bukan sahaja mempunyai minat, malah, celik al-Quran.

Tambah beliau, sejumlah 350 individu bakal menerima sumbangan khas huffaz bagi tahun 2012.

“Pada tahun lalu, sejumlah 260 individu telah menerimanya dan 180 (2010),” ujarnya sambil menyatakan bahawa pertambahan penerima adalah ekoran bertambahnya generasi muda celik al-Quran di negeri ini.

Feri selamat

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

GEORGE TOWN – Walaupun Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mempunyai rekod pengendalian feri yang baik, adalah penting untuk terus mengekalkan prestasi berkenaan bagi memastikan perjalanan feri berjalan lancar dan yang penting sekali adalah selamat.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini ketika mengadakan lawatan khas ke Terminal Feri Pengkalan Raja Tun Uda (PRTU) bagi memantau tahap keselamatan perkhidmatan feri di negeri ini.

Lawatan itu diadakan susulan daripada kes sebuah feri yang karam di Hong Kong dan merugut 38 nyawa berdekatan Pulau Lamma awal Oktober lalu.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengadakan pemantauan mengejut tersebut kerana sistem yang digunakan perkhidmatan feri di Hong Kong adalah lebih kurang sama dengan sistem di sini (Pulau Pinang).

Dalam pada itu, berdasarkan kenyataan dikeluarkan Ketua Unit Perkhidmatan Feri, Fisnor Ainon Mahmud, perkhidmatan feri yang disediakan PPSB ketika ini berada pada tahap keselamatan yang baik.

Katanya, dalam satu masa, sebanyak lapan buah feri beroperasi iaitu dengan pecahan sebanyak empat buah feri untuk operasi harian, pemeriksaan (1), kecemasan



FISNOL Ainon Mahmud (kanan) menunjukkan artikel menjelaskan antara latihan yang dijalankan oleh krew feri ketika kecemasan sempena lawatan Ketua Menteri ke Terminal Feri PRTU di sini baru-baru ini.

(1) dan dibaiki di dermaga (2).

“Kelas feri tertua terdiri daripada Feri Pulau Undan, Pulau Rawa dan Pulau Talang-Talang dengan perkhidmatan sebelum tahun 1980.

“Generasi kedua iaitu pada tahun 1980 adalah membabitkan feri Pulau Rimau, Pulau Kapas dan Pulau Angsa. Generasi baru, tahun 2002 adalah feri Pulau Pinang dan Pulau Payar,” jelas Fisnor.

Beliau memberitahu, setiap sebuah feri yang beroperasi adalah melibatkan sembilan krew dan bergerak dengan kelajuan minima tujuh knot.

Jelasnya, pada aspek keselamatan, setiap krew akan

diberikan latihan dari semasa ke semasa melibatkan pengendalian alat menghadapi kebakaran, alat-alat keselamatan serta kaedah menyelamat penumpang.

“Operasi feri juga mematuhi garis panduan Jabatan Laut Semenanjung bagi mendapat kelayakan membawa penumpang.

“Malah, feri-feri ini juga diaudit oleh *Lloyds Surveyor Classification Society* setiap tahun melalui pemeriksaan dan p e m a n t a u a n r e k o d penyelenggaraan,” jelas beliau.

Pada masa sama, kata Fisnor, pemeriksaan rutin ke atas feri-feri yang beroperasi turut dijalankan dari semasa ke semasa.

VISUAL sekawan ikan lumba-lumba yang dirakam seorang jurutera projek Jambatan Kedua Pulau Pinang di perairan Batu Maung di sini baru-baru ini.

Buletin Mu

Oleh: WATAWA NATAF
ZULKIFLI

GEORGE TOWN - Kehadiran sekawan ikan lumba-lumba yang berjaya dirakam seorang jurutera projek Jambatan Kedua Pulau Pinang di perairan Batu Maung di sini baru-baru ini sedikit sebanyak membuktikan perairan berkenaan mengalami peningkatan dari segi kebersihan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, seperti yang kita ketahui, ikan lumba-lumba selalunya akan hanya melalui perairan yang bersih.

“Ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa perairan di Pulau Pinang terutamanya di Batu Maung telah mengalami peningkatan dari segi kebersihan.

“Bila air bersih, ikan pun nak datang, air bersih begitu juga

dengan Pulau Pinang yang mempunyai kerajaan yang bersih,” ujarnya pada sidang media bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Menurut Abdul Malik, sungguhpun segelintir penduduk tempatan mendakwa pernah terlihat kelibat lumba-lumba di perairan Pulau Pinang sebelum ini, namun, ianya muncul di sekitar perairan sebelah Teluk Kumbar dan Balik Pulau yang sememangnya sedikit kurang pencemaran berbanding perairan Batu Maung yang begitu hampir dengan zon perindustrian di sini.

“Ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa perairan berhampiran zon perindustrian sudah mengalami sedikit perubahan positif hasil inisiatif Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti alam sekitar sejak empat tahun mentadbir,” jelas beliau.

Jambatan Kedua PP bakal surai 30 peratus trafik sedia ada



KEADAAN
Jambatan Pulau Pinang Kedua yang masih dalam proses pembinaan dari arah laut.

BATU MAUNG - Penyuraian trafik kepada dua hala di Jambatan Kedua Pulau Pinang membabitkan bahagian pulau negeri ini dijadualkan bermula pada tahun hadapan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng menyatakan bahawa kerajaan pusat telah meluluskan RM262 juta bagi menaiktaraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu bermula dari Jambatan Kedua Pulau Pinang hingga jambatan yang sedia ada kini.

“Selain itu, RM161 juta juga telah diperuntukkan bagi menaiktaraf laluan dari Jambatan Kedua Pulau Pinang (Batu Maung) ke Teluk Kumbar di sini,” katanya ketika mengadakan Lawatan ke Tapak Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hock Seng memaklumkan bahawa projek baru tersebut sama sekali tidak akan mengganggu aliran lalulintas sedia ada sepanjang jajaran Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu yang dijangka siap setahun selepas penyempurnaan Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang September tahun depan (2013).

“Kami menyasarkan Jambatan Kedua Pulau Pinang akan dapat menyuraikan 30 peratus kesesakan yang ada pada jambatan sekarang yang menampung penggunaan 700,000 kenderaan sehari,” jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Pembinaan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), Hamizol Ngah berkata, status projek yang 84.3 peratus siap kini adalah mendahului

jadual asal ditetapkan.

“Kita berada dua bulan di hadapan dan menyasarkan 90 peratus kerja akan siap pada penghujung tahun ini.

“Jika projek ini berjalan lancar, kita jangkakan sambungan konkrit terakhir sebelum ditar bakal disempurnakan pada April depan,” ujar beliau.

Jambatan sepanjang 24 kilometer yang mempunyai jangka hayat selama 120 tahun bakal menjadi jambatan terpanjang di Asia Tenggara.

Penggunaan getah sesimik (*High Damping Rubber Bearing*) pada struktur Jambatan Kedua Pulau Pinang telah mengukuhkan kedudukannya di samping mampu ‘menyerap’ gempa bumi sehingga 7.5 pada skala Ritcher.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Khong Cho Ha agar datang ke Pulau Pinang untuk melihat sendiri keadaan serta masalah di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) yang sekian kalinya mengalami kebocoran dan banjir apabila hujan lebat sejak ianya dinaiktaraf.

Ekoran kejadian hujan lebat yang berlarutan di sini baru-baru ini telah mengakibatkan sebahagian kawasan LTABL dilimpahi air menerusi beberapa bahagian siling bumbung yang bocor berhampiran dewan berlepas dan kaunter tiket.

Guan Eng berkata, beliau berharap projek naiktaraf LTABL benar-benar berkualiti dengan nilai anggaran baik pulihnya sebanyak RM250 juta.

“Kita (Kerajaan Negeri) harap Chong Ha sebagai Menteri Pengangkutan buat kerjanya dan

datang ke sini lihat sendiri dengan mata bahawa apakah yang berlaku di lapangan terbang. Keadaan ini amat sedih dan memalukan.

“Ini adalah satu projek besar, direktor projek dan Malaysia Airport Berhad (MAB) seharusnya turun padang untuk monitor dan melakukan pemeriksaan,” ujarnya pada satu sidang akhbar di Komtar berhubung isu ini di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyatakan kebimbungan adakah projek baik pulih LTABL tersebut dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

“Dengan apa yang berlaku dan masalah yang dihadapi, adakah projek baik pulih LTABL dapat disiapkan sepenuhnya mengikut jadual pada 24 November 2012 depan.

“Ini amat membimbangkan. Saya berharap perkara ini dapat ditangani dengan serius dan LTABL seharusnya menjadi sesuatu yang boleh dibanggakan oleh rakyat Pulau Pinang dan bukannya memalukan,” ujarnya.

“Cho Ha datang ke sini lihat sendiri” - KM



SEBAHAGIAN daripada kawasan kaunter tiket yang digenangi air setinggi satu inci baru-baru ini berikutan hujan lebat di LTABL yang dirakam salah seorang penumpang disini.

KN pastikan institusi intelektual tokoh ulama terus gah

Oleh: **AINUL WARDAH SO-HILLI**

GEORGE TOWN – Bagi menghargai sumbangan para ulama dalam membangkitkan kesedaran rakyat untuk pembangunan ummah, Kerajaan Negeri menerusi Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) mengajurkan Seminar Tokoh Ulama Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Bersempena pengajuran tersebut, tiga tokoh ulama penting di negeri Pulau Pinang iaitu Syed Sheikh al-Hadi, Tuan Guru Salleh Masri dan Tuan Guru Uthman Jalaluddin telah diketengahkan.

Ketiga-tiga tokoh tersebut aktif membangkitkan kesedaran rakyat untuk menentang pemerintahan penjajah suatu ketika dahulu.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, Kerajaan Negeri berusaha memastikan ketiga-tiga institusi intelektual yang diasaskan oleh tokoh-tokoh berkenaan dapat terus berdiri gah dan mampu melahirkan

lebih ramai ilmuwan terbilang.

“Institusi yang dimaksudkan ialah Madrasah Manabil ul-Ulum, Penanti (Tuan Guru Syeikh Uthman Jalaluddin), Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam (Tuan Guru Salleh Masri) dan Madrasah al-Manshoor, Pulau Pinang (Syed Sheikh al-Hadi) yang masih beroperasi sehingga ke hari ini,” katanya pada ucaptama Seminar Tokoh Ulama Pulau Pinang yang mengetengahkan isu ‘Ulama dan Kebangkitan Rakyat’ di sini baru-baru ini.

Profesor Madya Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin atau lebih dikenali sebagai Dr. MAZA turut hadir sebagai moderator bagi sesi pengenalan seminar.

Selain itu, Profesor Madya Dr. Fadhlullah Jamil dari Universiti Sains Malaysia, Ahli Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor dan Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman hadir sebagai pembentang.

Mansor berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan



SEBAHAGIAN peserta Seminar Tokoh Ulama Pulau Pinang yang terdiri dari pelbagai latarbelakang termasuk golongan profesional di sini baru-baru ini.

institusi agama rakyat yang lain dengan memperuntukkan

RM1.75 juta setiap tahun kepada sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) seluruh Pulau Pinang. Malah, bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kini telah dinafikan pemberiannya oleh kerajaan terdahulu.

“Cabaran terbesar kini adalah untuk memperkasakan

sistem pendidikan Islam agar lebih mantap dan mudah.

“Melalui pendidikan sahaja kita mampu memperkasakan ummah, melalui pendidikan juga minda kita akan berfungsi,” ujar beliau.

Beliau memberitahu, Pulau Pinang memang subur dengan kegiatan intelektual memandangkan keadaan

geografinya strategik dan kosmopolitan sifatnya yang menjadi daya penarik kepada percambahan babit-babit budaya berfikir.

“Dengan adanya seminarnya begini, diharap generasi muda mampu menerap wadah yang disampaikan sebagai inspirasi menuntut ilmu,” tambah beliau.

Jelas tender tertutup beli 831 kamera AES

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng mendesak Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha supaya menjelaskan tentang projek pembelian serta pemasangan 831 Kamera 1Malaysia Sistem Pengangkutan Automatik (AES) yang didakwa melalui proses tender tertutup yang tiada integriti ekonomi.

"Saya difahamkan bahawa hanya sembilan syarikat yang dipilih untuk menyertai tender sungguhpun tujuh (syarikat) sahaja yang mengemukakan tawaran.

"Kenapa tiada tender terbuka, tetapi, tender baru terpilih untuk pemasangan 831 kamera 1Malaysia di seluruh Malaysia," ujar beliau baru-baru ini di sini.

Beliau yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang turut mempertikai wibawa dua pemegang konsesi AES yang dilantik, iaitu ATES Sdn. Bhd. dan Betap Tega Sdn. Bhd. yang dipilih oleh kementerian.

Menurut Guan Eng, kedua-dua pihak itu mampu mendapat balik modal masing-masing melalui pengagihan surat keuntungan daripada saman yang dibayar melalui tiga peringkat:

Peringkat pertama - Untuk 5 juta saman pertama, RM16 setiap saman akan dikutip (RM80 juta).

Peringkat kedua - RM540 juta kutipan seterusnya dikongsi 50 peratus, iaitu RM270 juta. Kerajaan mendapat jumlah yang sama.

Peringkat ketiga - 7.5 peratus akan dikutip daripada keuntungan seterusnya. Kerajaan akan mengutip yang berlebihan.

"Sekiranya RM5 bilion dikutip setiap tahun, kedua-dua pemegang konsesi akan untung RM80 juta di bawah peringkat pertama, RM270 juta di bawah peringkat kedua dan RM350 juta di bawah peringkat bagi ketiga – jumlah lumayan sebanyak RM700 juta untuk kerja setahun.

"Yang nyata, dua pemegang

CONTOH kamera AES.



konsesi tersebut akan lebih mendapat manfaat sementara 28 juta rakyat Malaysia akan rugi.

"Jangan lupa bahawa RM500 BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) tidak boleh membantu rakyat jika anda mendapat dua saman yang berjumlah RM600... (maka) RM100 anda akan rugi," tegas beliau.

Guan Eng memberitahu,

selain daripada keuntungan RM700 juta setahun, terdapat juga tanda tanya tentang kos besar yang didakwa oleh kedua-dua pemegang konsesi untuk pemasangan 831 kamera.

"Adakah ia bernilai RM600 - RM800 juta seperti yang didakwa kedua-dua syarikat tersebut untuk

pemasangan 831 kamera yang bersamaan dengan RM722,000 - RM962,000 setiap kamera?" soalnya.

Tegas beliau, kegagalan sebegini bukan perkara baru seperti yang dibuktikan dengan skandal RM365 juta *Integrated Transport Information System (ITIS)*, di mana, sistem pemantauan trafik Kuala Lumpur telah dikenalpasti oleh Laporan Ketua Audit

Negara 2011 sebagai "tidak memuaskan" kerana berlaku ketirisan walaupun RM365 juta telah dibelanja.

"Kementerian Pengangkutan harus bertanggungjawab penuh kepada pihak awam atas soalan-soalan mengenai AES dan sama ada tender terbuka telah dijalankan.

"Sekiranya isu-isu ini tidak ditangani, para pemandu Malaysia berhak marah kerana sekali lagi kroni-kroni Barisan Nasional (BN) mendapat manfaat sementara rakyat rugi," ujarnya.

Kata Guan Eng, Pulau Pinang tidak akan membenarkan pemasangan kamera 1Malaysia tersebut sehingga penjelasan penuh diberi.

"Kong (Cho Ha) harus berpegang kepada arahannya bahawa kerajaan tempatan akan membuat keputusan tentang pemasangannya, di mana pegawai-pegawai Kong (Cho Ha) telah mendapatkan kerjasama dan kelulusan Kerajaan Negeri dan tempatan untuk membuat pemasangan," ujar beliau.

Negeri komited pelihara 25,232.14 hektar kawasan hutan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

KEPALA BATAS -

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memulihara kawasan hutan berkeluasan 25,232.14 hektar di negeri berkenaan sungguhpun dihambat oleh keperluan sosio-ekonomi.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada sambutan Hari Lanskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

"Adalah menjadi cabaran Kerajaan Negeri untuk pembangunan fizikal dilaksanakan yang perlu seimbang antara memenuhi keperluan sosio-ekonomi dan pemuliharaan kawasan hijau ke arah pembentukan persekitaran sesuai dan kondusif untuk diwarisi generasi akan datang," ujar

beliau di Taman Vision, Bertam, Seberang Perai Utara (SPU) di sini.

Majlis perasmian disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Haji Abbas.

Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Y.A. Datuk Seri Zakaria Sam, Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Phee Boon Poh (Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP), Zainuddin Ahamad (Pengarah



ABDUL Rahman Haji Abbas (depan, kiri sekali) menyempurnakan tanaman anak pokok Pulai Alam sebagai gimik pelancaran sambutan Hari Lanskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri) turut hadir pada majlis itu.

Hadir bersama, wakil Konsulat dari Jepun, Hiroko

Taniguchi dan Budi Prakosa (Konsulat dari Indonesia).

Guan Eng berkata, salah satu kejayaan Kerajaan Negeri melalui MPSP adalah berjaya menarik partisipasi langsung syarikat korporat dan pertubuhan komuniti untuk menaja landskap di 21 taman rekreasi awam melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Difahamkan, Taman Tugu Demokrasi dekat Bagan merupakan salah satu projek CSR yang siap sepenuhnya untuk kegunaan awam.

Itu, tidak termasuk 22 lokasi taman rekreasi awam lain yang juga memerlukan tajaan pihak berwajib.

Maimunah mewakili pengajur turut berucap pada majlis tersebut.

Hari Lanskap Negara diraikan pada 3 Mac setiap tahun seperti yang diputuskan di peringkat kebangsaan bagi menyuburkan budaya hijaukan bumi dalam kalangan semua pihak berwajib.

Kali pertama, perayaan ini diraikan adalah pada 3 Mac 1997, iaitu semasa kempen menanam pokok dilancarkan pada peringkat nasional.

'Komuniti Penggerak Lanskap Pulau Pinang' diangkat sebagai motto sempena Hari Lanskap Negara 2012 peringkat Negeri Pulau Pinang ke arah merealisasikan kempen 'Pulau Pinang Bersih, Hijau dan Selamat'.

MPPP bukan sengaja batalkan lesen

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini menafikan bahawa tindakan membatalkan lesen operasi kedai barang am milik Ketua Wira Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) Pulau Pinang (sebuah pertubuhan bukan kerajaan) di lot bernombor BA-6, Pasar Teluk Bahang adalah didalangi Ketua Menteri sebagaimana dituduh di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong pada satu sidang akhbar berkata, pihak majlis sebulat suara membatalkan lesen tapak gerai tersebut ekoran kesalahan menyerahkan gerai kepada orang lain dengan sukarela tanpa memaklumkan kepada pihak majlis serta tidak menjalankan perniagaan.

“Gerai tersebut didakwa miliknya, Mohd. Rizuad Mohd. Azudin.

“Tetapi, apabila MPPP membuat semakan daripada keseluruhan kira-kira tiga ribu pemegang lesen, tiada pun nama Mohd. Rizuad mahupun nama isterinya. Sebaliknya, gerai tersebut didaftarkan di atas nama Rohaidah Shariff, 54, yang mana siasatan menunjukkan bahawa individu terbabit merupakan ibu beliau (Mohd. Rizuad),” tegasnya di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ahli Majlis MPPP, Lim Siew Khim, Mohd. Rashid Hasnon, L. Prem Anand, Tahir Jalaluddin dan D. Harvinder Singh.

Menurut Ah Teong, Pegawai Kesihatan Awam MPPP sentiasa menjalankan kerja menyiasat yang mana kesalahan melibatkan gerai yang disewakan kepada orang lain, tidak membayar sewa, tidak jalankan perniagaan dan menyerahkan gerai dengan



ONG Ah Teong (dua dari kanan) bersama-sama lima Ahli Majlis MPPP lain menunjukkan surat dan laporan polis yang diterima daripada Ketua Wira Perkasa Pulau Pinang berhubung isu penarikan semula lesen gerai di Pasar Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

sukarela kepada orang lain tanpa memaklumkan kepada majlis akan diambil tindakan.

“Jadi, di sini tiada isu rasis yang ditimbulkan dan kita (MPPP) menolak tanggapan beliau bahawa dengan sengaja membatalkan lesennya,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Ah Teong menyatakan bahawa, gerai yang disewakan oleh MPPP bukan milik sesiapa atau keluarga penyewa, tetapi ianya adalah harta milik MPPP.

“Melalui surat pertama bertarikh 6 Julai 2012 yang diterima MPPP daripada Rohaidah menyatakan bahawa beliau sedang sarat mengandung.

“Manakala, surat kedua (29 Ogos 2012), menyatakan bahawa menantu perempuannya sedang sarat mengandung dan memohon agar pihak majlis menukar penama lesen. Yang mana satu yang betul?” soal Ah Teong.

Beliau menegaskan bahawa, segala maklumat yang diberikan adalah tidak betul dan meragukan.

“Justeru, diharap beliau berikan maklumat yang lebih benar dan jangan sekali membuat tanggapan palsu,” katanya.



SIM TZE TZIN (kiri sekali) mengadakan perbincangan bersama wakil-wakil pemaju yang bakal terlibat dalam projek membina dan menaiktaraf laluan basikal pada sidang media di sini baru-baru ini.

RM30 juta untuk laluan basikal

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri menyimpan hasrat untuk membina laluan berbasikal sistematik dan selamat menjelang tahun 2020 dengan mengutilisir sepenuhnya tanah rizab negeri dan tanah rizab persisir pantai bagi tujuan berkenaan.

Terbaru, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berhasrat untuk melengkapkan Fasa 1 laluan basikal persisiran pantai (*Coastal Cycling Route*) dari Batu Maung ke Teluk Bahang sejauh 38 kilometer (km).

Manakala, Fasa 2 adalah membabitkan laluan basikal dari Kompleks Membeli-belah Queensbay ke pusat bandar George Town sejauh 12.5 km yang bakal dibina dan dinaiktaraf MPPP serta lima pemaju iaitu IJM Land Berhad, Tropicana Ivory Sdn. Bhd., GSD Land (M) Sdn. Bhd., CP Landmark Sdn. Bhd. dan Asia Green Group sebagai sebahagian pelaksanaan projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat masing-masing.

Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, kos keseluruhan projek berkenaan adalah berjumlah RM30 juta dan ia mengambil masa dua tahun untuk siap sepenuhnya.

“Sebagai permulaan, langkah pertama ke arah penyediaan laluan basikal, MPPP telah menggariskan beberapa polisi dan membentuk satu pelan pembangunan laluan berbasikal iaitu Pelan Induk Laluan Basikal.

“Dalam pelan tersebut, kita (MPPP) rancang untuk membina 200 km laluan basikal di bahagian pulau, sama ada secara berasingan atau berkongsi laluan dengan kenderaan bermotor lain,” ujarnya ketika sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin dan Pengarah Bangunan MPPP, Ar. Yew Tung Seang.

Pulau Pinang kini mempunyai 120 kilometer laluan berbasikal di bahagian pulau.

Tung Seang berkata, laluan berbasikal khas ini juga merupakan alternatif untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan memberi suatu pengalaman baru kepada warga Pulau Pinang yang ingin berbasikal sambil menikmati suasana dan permandangan persisiran pantai,” jelas belau.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang MPPP di www.mppp.gov.my.

Jejantas sotong selamat dilengkapi CCTV

Oleh: WATAWA NATAF
ZULKIFLI

GEORGE TOWN –

Keselamatan di laluan awam terutamanya sekitar Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) terus diambil perhatian dan dipertingkatkan dengan pemasangan lapan unit kamera litar tertutup (CCTV) di laluan ‘jejantas sotong’ yang menghubungkan Komtar Walk antara Jalan Burma dan Jalan Penang di sini baru-baru ini.

CCTV bernilai RM20,000 hasil peruntukan Kerajaan Negeri mempunyai daya perakam imej lebih jelas dari yang biasa di

samping kemampuan ‘zoom’ pada tahap lebih baik.

Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Komtar, Ng Wei Aik berkata, kronologi pemasangan CCTV tersebut adalah sejak tahun 2010 lagi, namun, ditangguh sehingga ke tahun ini ekoran tiada kerjasama daripada pihak-pihak berkaitan dengan alasan bahawa lokasi tersebut kurang kadar jenayah.

“Saya sendiri kurang pasti dari mana mereka (pihak-pihak terbabit) mendapat statistik itu.

“Namun, apa yang pasti, jenayah seperti ragut, peras ugut, kes bunuh pernah terjadi di sini. Malah, aktiviti pelacuran dan

mengemis turut dikesan berlaku,” katanya pada sidang media ketika membuat tinjauan khas di sini baru-baru ini.

Menurut Wei Aik, sistem CCTV di jejantas tersebut turut dihubungkan dengan bilik kawalan keselamatan Komtar yang beroperasi dalam tempoh masa 24 jam.

“Jika sebelum ini kita memperoleh maklum balas orang ramai enggan menggunakan jejantas ini disebabkan masalah keselamatan, kini, ia dilihat sebagai kepentingan dalam mengurangkan kadar kemalangan akibat tidak menggunakan jejantas di sini,” ujar beliau.



NG WEI AIK (dua dari kiri) menunjukkan CCTV dipasang di ‘jejantas sotong’ yang menghubungkan Komtar Walk antara Jalan Burma dan Jalan Penang di sini baru-baru ini.



PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA : Bil. CMI / 3 / 2012

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan / perkhidmatan / kerja di bawah kod bidang 221510 : Tempat Letak Kereta yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebutharga berikut:

Penyewaan Di Atas Tanah Hak Milik Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang Bagi PT 6562, Mukim 12, Daerah Barat Daya Untuk Tujuan Tempat Letak Kereta

2. Penyebutharga yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan seperti berikut:
Tarikh : **9 November 2012 (Jumaat)**
Masa : **9.30 pagi**
Tempat : **PT 6562 , Mukim 12, Daerah Barat Daya**
(Berhadapan Pusat Perniagaan Krystal Point)
3. Dokumen sebutharga ini boleh dimuat turun secara **percuma** melalui Sistem ePerolehan Negeri Pulau Pinang di alamat url <http://ep.penang.gov.my> mulai 9 November 2012 (selepas menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak).
4. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profil syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan tajuk sebutharga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebutharga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari pada 16 November 2012 (Jumaat)** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **Bil. CMI / 3 / 2012 di Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Paras 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**
Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebutharga di atas adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga terbabit. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. CMI berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Iklan sebutharga ini juga boleh di muat turun melalui laman web ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://ep.penang.gov.my/>.

Mengembalikan demokrasi tempatan

TSUNAMI politik yang berlaku pada tahun 2008, bukan sekadar meruntuhkan dominasi politik satu-parti di negara kita, tetapi juga telah menyerlahkan ketempangan sistem federalisme yang sekian lama diperlakukan.

Negara kita Malaysia, walaupun secara definisi sepatutnya mengamalkan struktur persekutuan atau federasi yang menjamin dan memelihara keutuhan, hak dan autonomi setiap negeri, telah secara beransur-ansur menyerah diri kepada amalan pemusatan kuasa yang dahsyat. Pada hari ini, bukan sahaja kebanyakan kuasa pemutus terletak di tangan kerajaan persekutuan, malah dalam kerajaan persekutuan sendiri kuasa makin lama makin berkisar pada Bangunan Perdana Putra.

Sebagai contoh, belanjawan persekutuan yang dibentangkan baru-baru ini telah menunjukkan peruntukan kewangan sebanyak RM14.6 bilion untuk Jabatan Perdana Menteri (JPM). Angka ini bersamaan dengan 5 peratus daripada jumlah belanjawan persekutuan. Bandingkan pula dengan belanjawan negeri Pulau Pinang yang hanya berjumlah RM740 juta bagi tahun 2012 dan RM1.6 bilion untuk Selangor, walhal Negeri Darul Ehsan ini merupakan negeri paling maju dan besar populasinya di negara kita.

Cuba bayangkan, jumlah keseluruhan belanjawan bagi kesemua 13 negeri adalah hanya lebih kurang 6 peratus belanjawan persekutuan, di mana nisbah ini pernah mencapai 25 peratus pada zaman 90an. Dalam erti kata lain, sementara belanjawan-belanjawan negeri dari segi nisbah semakin mengecil, peruntukan bagi JPM pula dinaikkan berkali-kali ganda sehingga ia sudah hampir sama besar dengan jumlah keseluruhan belanjawan bagi semua negeri di Malaysia.

Di sini, adalah amat jelas bahawa kuasa makin berpusat bukan sahaja di peringkat kerajaan persekutuan tetapi di tangan Perdana Menteri. Apakah logiknya satu jabatan diberi kuasa yang begitu luas, sehingga peranan kementerian-kementerian lain seolah-olah terhakis? Sebagai contoh, hal-hal pengangkutan awam tidak lagi dikuasai oleh Kementerian Pengangkutan tetapi oleh Suruhanjaya Pengangkutan

Awam Darat (SPAD) yang berada di bawah naungan JPM. Begitu juga dengan Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang juga terletak di bawah JPM dan bukan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Banyak lagi contoh yang boleh diketengahkan. Adakah perlunya JPM menguasai bidang agama melalui JAKIM, apabila agama itu jelas tersenarai sebagai salah satu bidang di bawah kuasa negeri? Soalan yang sama juga boleh ditanya mengenai Permata, iaitu pelaksana dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan. Tidakkah patut usaha ini dilaksanakan melalui Kementerian Pelajaran? Apa gunanya jemaah menteri jika setiap portfolio yang penting kini diurus terus oleh kementerian maha berkuasa ini?

Desentralisasi mencerminkan masyarakat

Lantas kita berbalik kepada tumpuan kita, iaitu persoalan demokrasi tempatan. Pada hemat saya, demokrasi adalah satu konsep yang tidak wajar dipisahkan daripada persoalan pengagihan kuasa, ataupun desentralisasi.

Ini kerana pada pokoknya, desentralisasi merupakan penjelmaan kebertanggungjawaban tempatan. Di Indonesia umpannya, proses pendemokrasian yang telah berlaku pasca zaman Suharto telah menampakkan satu proses desentralisasi yang begitu menggemparkan sehingga ia diberi nama “big bang”.

Sepertimana “shock therapy” yang dialami negara-negara Eropah Timur dan Tengah selepas terkandasnya Tabir Besi, begitu jugalah pengalaman wilayah-wilayah Indonesia yang dengan sekilip mata diberi kuasa dan tanggungjawab yang sekian lama telah dipusatkan di Jakarta.

Walaupun pada mulanya agak terkucar-kacir, namun lama-kelamaan terbentuklah suasana saingan yang amat sihat di antara wilayah-wilayah. Dengan peralihan kebertanggungjawaban kepada peringkat tempatan seperti wilayah dan bandar, maka gebenor-gebonor dan walikota-walikota yang dipilih secara



langsung oleh penduduk tempatan terpaksa menunjukkan prestasi yang tinggi sekiranya ingin mengekalkan jawatan mereka. Akibatnya, dalam masa satu dekad, proses pendemokrasian dan desentralisasi di Indonesia telah memangkinkan satu model pertumbuhan yang agak dinamis. Jika dahulu kehidupan harian dikawal oleh pemimpin autoritarian, sekarang untung nasib setiap bandar dan wilayah berada di tangan rakyatnya sendiri.

Malangnya, keadaan di Malaysia jauh beza sekali. Walaupun pada suatu ketika dahulu negara kita pernah mengamalkan pilihanraya pada tiga peringkat, tetapi sejak tahun 1965 rakyat telah dinafikan hak untuk memilih wakil kerajaan tempatan.

Kerajaan tempatan dan Pulau Pinang

Saya percaya, kini adalah masa yang tepat untuk kita memikirkan semula keperluan untuk kerajaan tempatan yang lebih demokratik. Dalam pada itu, saya berasa bahawa Pulau Pinang adalah tapak mula yang paling afdal kerana di sinilah terlahir kerajaan tempatan yang pertama di negara kita.

Pada tahun 1801, sebuah badan yang dipanggil Majlis Penilai (*Council of Assessors*) telah ditubuhkan di Pulau Pinang. Majlis ini diberi peranan untuk merancang dan melaksanakan pembangunan bandar. Hatta diikuti dengan penubuhan majlis perbandaran yang pertama di Malaya pada tahun 1857. Majlis-majlis tempatan yang lain kemudiannya dibentuk di negeri-negeri lain sehingga ke Sarawak dan Borneo Utara.

Bagi melaksanakan proses kerajaan tempatan yang bertanggungjawab, pihak British telah memperkenalkan pelbagai perundungan seperti Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan

1950 yang memberi kuasa kepada majlis-majlis tempatan untuk menganjurkan pilihan raya. Selain itu, Ordinan Kerajaan Tempatan 1952 pula memberi kuasa kepada penduduk-penduduk setempat untuk membentuk majlis-majlis tempatan di mana perlu. Pada penghujung era penjajahan British, terdapat sejumlah 289 majlis tempatan di Malaya. Selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, kuasa kerajaan tempatan telah diletakkan ke dalam senarai negeri.

Alangkah tetapi, seperti yang telah dinyatakan, demokrasi di peringkat tempatan sudah lama dihapuskan. Untuk pengetahuan ramai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang dipilih secara demokratik pada tahun 1960an sebelum penghapusan pilihan raya kerajaan tempatan, merupakan majlis perbandaran yang mempunyai belanjawan paling besar di Malaysia. Pada masa itu, Majlis telah memiliki stesen janakuasa, membina empangan air serta menguruskan perkhidmatan trem elektrik.

Malangnya, kerajaan-kerajaan tempatan zaman ini sudah tidak mampu mencerminkan daya usaha yang begitu dinamis, bukan sahaja kerana kebanyakannya bidang kuasa sudah dipusatkan di peringkat kerajaan persekutuan, tetapi juga kerana pemimpin-pemimpin kerajaan tempatan sekarang merupakan lantikan politik semata-mata. Oleh kerana mereka tidak dipilih oleh penduduk tempatan, sudah tentu mereka tidak akan mengamalkan kebertanggungjawaban yang sepatutnya.

Pun begitu, sukacita saya memaklumkan bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah pada awal tahun ini meluluskan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan yang sekali gus membuatkan pengajuran pilihanraya kerajaan tempatan di Pulau Pinang. Pada ketika ini, kesahihan undang-undang tersebut sedang dipertikaikan oleh kerajaan persekutuan, namun sekurang-kurangnya usaha telah dibuat

sebagai langkah pertama untuk mengembalikan demokrasi tempatan.

Demokrasi memperkasakan rakyat

Sebenarnya, kerajaan tempatan merupakan institusi yang paling banyak memberi kesan langsung terhadap kehidupan harian kita. Antara tanggungjawab kerajaan tempatan adalah untuk menyediakan dan menguruskan kemudahan-kemudahan awam seperti laluan pejalan kaki, taman dan ruang awam, kompleks sukan dan rekreasi, serta dewan orang ramai. Di samping itu, masalah-masalah harian seperti pungutan sampah dan sistem saliran juga diselenggarakan oleh kerajaan tempatan.

Oleh itu, tidakkah kita mahukan kerajaan tempatan yang bertanggungjawab secara langsung kepada penduduk tempatan?

Akhir sekali, saya berpendapat bahawa demokrasi tempatan juga mampu membuka ruang kepada watak-watak politik yang lebih bersifat tempatan. Ini telah terbukti apabila ramai wakil-wakil yang terpilih dalam pilihan raya kerajaan tempatan dahulu merupakan wakil-wakil bebas atau daripada parti-parti tempatan yang tidak terlibat dalam politik kebangsaan. Secara langsung, keadaan ini juga akan menggalakkan lagi penyertaan orang ramai, khususnya anak muda, dalam kancan politik, terutama sekali mereka yang tidak cenderung kepada politik kepartian atau politik kebangsaan.

Kesimpulannya, demokrasi tempatan hanya akan tercapai melalui proses desentralisasi politik ataupun peralihan kuasa daripada pusat kepada peringkat tempatan. Inilah satu-satunya cara untuk menjamin kepentingan penduduk tempatan. Sudah tentu hasrat rakyat tidak akan tercermin dalam dasar kerajaan tempatan selagi pemimpin-pemimpin tidak dipilih secara demokratik.

Justeru, semoga bibit-bibit demokrasi dapat ditanam dalam jiwa-jiwa generasi muda kini.

Zairil Khir Johari
Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Institute

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shteoow@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
Cik Tan Xin Ying (DAP)	016 - 553 1987
En. Mohd Shaipol Bin Ismail (DAP)	012 - 571 2250
En. Guanalan a/l Sengalaney (DAP)	013 - 485 3128
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chandrasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shammugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04 - 521 1987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019- 408 4899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) ltiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Ahmad Tarmizi Bin Abdullah (NGO)	013 - 414 4822
En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2012 - 31 DIS. 2012)**

Nama	Telefon
Zulkifli bin Mohd. Noor (DAP)	012 - 483 0878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012 - 42822 50
Tay Leong Seng (DAP)	019 - 321 9392
Lim Siew Khim (DAP)	016 - 531 6026
Lim Cheng Hoe (DAP)	016 - 438 4809
Tan Hun Wooi (DAP)	012 - 488 0409
En. Ong Ah Teong (DAP)	012 - 410 6566
Ooi Keat Hin (PKR)	016 - 417 1331
Francis a/l Joseph (PKR)	012 - 474 3321
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016 - 422 2142
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04 - 657 7464 (Tel) 012 - 472 8114
Encik Iszurree Bin Ibrahim (PAS)	016 - 443 3205
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012 - 472 6725
Encik Teh Lai Heng (DAP)	016 - 445 9808
Encik Gooi Seong Kin (DAP)	016 - 457 1271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012 - 412 2558
Encik Tan Seng Keat (PKR)	012 - 438 6191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR)	019 - 456 0077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR)	013 - 432 0207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR)	012 - 438 0873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO)	012 - 463 5959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012 - 422 1880
Encik Sin Kok Siang (NGO)	016 - 422 2255
Ng Chek Siang (PKR) perisaihebat@gmail.com	016 - 470 7089

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUIN TING
ALISSALA THIAN
MOHD. HAFIZ TAJUDIN

Jurugrafik:
LOO MEI FERN
IDZHAM AHMAD

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 019 357 9726

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Nov 2012**

13hb November
Deepavali
Little Indian
9pg - 11lm



18hb November
Allianz Penang Bridge International Marathon 2012
Queensbay, Penang & Jambatan Pulau Pinang
2pg - 10pg

Iklaneka

**IKLANKAN BISNES
ANDA DI**

**buletin
Mutiara**

www.buletinmutiara.com



Buletin Mutiara boleh diperoleh di :

- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta
- Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Jenis Iklan	Saiz	Kos (sebulan,RM)
Satu Muka Surat	25sm(w) x 32sm(h)	15,000 (*)
Separuh Muka Surat (melintang)	25sm(w) x 16m(h)	7,500 (*)
Separuh Muka Surat (menegak)	12.5sm(w) x 32m(h)	7,500 (*)

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:

04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004

shawal@benana.aov.my atau shawal9004@mail.com



SEBAHAGIAN belia yang mengambil bahagian dalam penganjuran program *Guang Ming Bukit Jambul Hikathon 2012*.



SEORANG kanak-kanak bersalaman dengan Ketua Menteri bersempena Majlis Pecah Tanah Kompleks Penjaja Jalan Utama yang terletak di belakang Hospital Pulau Pinang.



TYT, Tun Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) ditemani YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kiri) memerhatikan gubahan bunga sempena Hari Landskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



PARA peserta yang mengambil bahagian dalam Kempen Anti-Pemerdagangan Orang.



YDP MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail (depan, kiri sekali) dan YDP MPSP, Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) ketika hadir program *Public Consultation For Dedicated Coastal Bicycle Road*.



EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (lima dari kanan) bersama dif-dif jemputan melancarkan gimik Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik dan Alat Permainan Kanak-kanak.



KUMPULAN Penari S eni Mutiara, Majlis Kebudayaan Negeri yang Membuat persembahan bersempena Hari Landskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



AHLI Majlis MPSP, Teo Seng Hooi (duduk, tengah) bersama para penjaja Pasar Taman Chai Leng menunjukkan tanda bagus selepas menerima bekas makanan mudah reput yang dihasilkan daripada hampas tebu sumbangan khas MPSP.

 **YOUR VOICE MATTERS**

Penilaian Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
(The Evaluation of the Official Portal of The Penang State Government)

Kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan awam mengenai keberkesanan saluran penyampaian kerajaan negeri melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri dan mendapatkan pandangan/cadangan penambahbaikan

<http://ebayar.penang.gov.my>



Pembayaran Bagi ...

- ✓ Cukai Tanah
- ✓ Pinjaman Penuntut
- ✓ Cukai Taksiran MPPP
- ✓ Cukai Taksiran MPSP

GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sonarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah
Semakan Status Pinjaman Penuntut
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut

Semakan Status Pombayaran Kontraktor
Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut



Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah,
Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)

<http://erumah.penang.gov.my>



Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online
Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ePINTAS
Penang Information And Complaint System
<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE
1 300 80 1010



Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui
JPS CARELINE 1-300-80-1010



Sistem Penghargaan Warga Emas
i-Sejahtera
<http://isejahtera.penang.gov.my>
warga emas
miskin tegar



i-BiTA
SISTEM PERMOHONAN BANTUAN
KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM

<http://ibita.penang.gov.my>

My Penang My Workplace

Penang CAT
Career Assistance and Talent Centre

www.penangcatcentre.my
Your Global Gateway to Careers in Penang



investPenang
For Technology, Industry & Commerce

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

38 anak muda berbahas di DUN

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJU-DIN

GEORGE TOWN -

Bersempena pengajuran Festival Demokrasi Tempatan (FDT) di sini, seramai 38 anak muda yang turut serta dalam program Parlimen Muda (salah satu program di bawah pengajuran FDT) berpeluang mengadakan sidang perbahasan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini.

Dalam pada itu, para peserta program yang dianjur hasil gabungan lima pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut menempa sejarah tersendiri apabila menjadi generasi pertama dalam negara diberi ruang berbahas dalam ruang dewan realiti.

Menurut Pengarah Program Parlimen Muda, Sara Ayuni Hamdan, FDT dapat memberi pendedahan asas demokrasi dan proses penglibatan individu

serta masyarakat dalam ruang demokrasi tempatan dalam kalangan anak-anak muda.

"Program ini disasarkan kepada anak muda Malaysia berusia 25 tahun ke bawah tanpa mengira asal-usul negeri mahupun latar belakang peserta.

"Melaluinya, para peserta diperkenalkan dengan bentuk penglibatan politik dari dalam dan luar struktur rasmi serta ruang partisipasi alternatif bagi anak muda mengekspresikan pendapat masing-masing," katanya pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Sidang media tersebut dipengerusikan Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain.

Jelas Sara Ayuni, selesai bersidang, usul yang dibahas dan mendapat sokongan majoriti akan diterima dan dihantar kepada Ketua Menteri Pulau Pinang bagi mendapat maklum balas serta pertimbangan sewajarnya.



ABDUL Halim Hussain (empat dari kanan) ditemani Sara Ayuni Hamdan (tiga dari kanan) menunjukkan sepanduk Program Parlimen Muda sempena pengajuran FDT di sini baru-baru ini.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 8348	No Akaun Peminjam	: 8352	No Akaun Peminjam	: 8388	No Akaun Peminjam	: 8390
Penjamin 1	: HASNIDA BINTI ABU BAKAR - 770410076114	Penjamin 1	: NORHASLINA BINTI JAMALUDIN - 800308075128	Penjamin 1	: SITI NURAINA BINTI ABDUL RASHID - 781229075452	Penjamin 1	: MOHD ADHA BIN SAIPUDIN - 781115075657
Penjamin 2	: 102 MK 7 PULAU BETONG, 11020 BALIK PULAU	Penjamin 1	: 314 LORONG 5/4 , TAMAN SRI WANG, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: 3C-G-6 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR,11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NO 1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH, 09000 KULIM
Penjamin 1	: AMIR BIN HALET - 58015075415	Penjamin 1	: NORHANITA BINTI JAMALUDIN - A3707515	Penjamin 1	: SHARIDAH BINTI MOHAMED - 551105075000	Penjamin 1	: SAIPUDIN BIN AHMAD - RF/ 51270
Penjamin 2	: 343 MUKIM J, KAMPUNG GENTING, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: 10696 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: 199 JALAN PERWIRA, TAMAN PERWIRA 14000 PERMATANG, TINGGI ,BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: 1306 LORONG SELASIH 6/4, TAMAN SELASIH, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1	: HOSNI BIN ABD RAHIM - 550830075735	Penjamin 1	: MOHD YASIN BIN YUSOP - A2709206	Penjamin 2	: RAHMAH BINTI MOHAMED - 620523075624	Penjamin 2	: MOHD FITRI BIN SAIPUDIN - A3423040
Penjamin 2	: 102 MUKIM 7, PULAU BETONG, 11020 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: 10696 GUAR KEPAH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: NO. 34 LORONG ALMA JAYA , 35 TAMAN ALMA JAYA, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: NO. 2A LORONG BLM 5/2, BANDAR LAGUNA MERBOK 09000 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 8391	No Akaun Peminjam	: 8398	No Akaun Peminjam	: 8407	No Akaun Peminjam	: 8418
Penjamin 1	: AZIZAN BIN AHMAD - 800829095079	Penjamin 1	: NOR HAZANA BINTI MD SALLEH - 790407075848	Penjamin 1	: NG WOOI KEONG - 810518075117	Penjamin 1	: DASYIMA BINTI MOHAMAD DESA -
Penjamin 2	: 8045 KAMPUNG TELOK, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH, NOOR AZIZAH BINTI AHMAD - 721015075436	Penjamin 1	: 165D KG. SUNGAI LIMAU 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: 4 JALAN ANGGERIK ERIA 31/108 A, KOTA KEMUNING, 40460 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 1	: 800924075164
Penjamin 1	: 8045 KAMPUNG TELOK, SUNGAI DUA, 13800 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MD. SALLEH B. AHMAD - 450420075067	Penjamin 1	: KEE HAI CHIN - 620511085155	Penjamin 1	: 50 LORONG GUAR PERAHU 35, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: AZIZ BIN AHMAD - T1081701	Penjamin 2	: 1060 MK 20, SUNGAI SEMAMBU	Penjamin 2	: 04-06 BLOK A, JALAN DATARAN 2/8, TAMAN KEMPAS, JOHOR BAHRU 81200 JOHOR	Penjamin 2	: MUSA BIN MD HUSSIN - 550428075529
Penjamin 1	: 268 RUMAH GURU TOH SAJAK, 34500 TAIPING, PERAK,	Penjamin 2	: 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KEE HAI THONG - 641129085405	Penjamin 2	: NO. 1129 PENGKALAN BATU 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: 2352, LORONG SELASIH 9A/4	Penjamin 1	: 2352, LORONG SELASIH 9A/4	Penjamin 2	: 8 JALAN SETIA DUTA U13/23Y, SETIA ECO PARK, SEKSYEN 13, 40170 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 2	: CHE NORIAH BT. CHE AHMAD - 600614075656
No Akaun Peminjam	: 8439	No Akaun Peminjam	: 8521	No Akaun Peminjam	: 8581	No Akaun Peminjam	: NO. 765, KAMPUNG AMAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 1	: ISMANIZAM BIN ABD RASHID - 790416075583	Penjamin 1	: SUZEANA BINTI MOHAMAD JAMIL - 801212025702	Penjamin 1	: SEMALIA A/P KOMRAVALOO - 770802076084	Penjamin 1	: 8733
Penjamin 2	: 14320 NIBONG TEBAL, 14320 NIBONG TEBAL	Penjamin 1	: NO 96 LORONG IMPIAN 10, TAMAN IMPIAN RIA, ALAM 11400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: BLOK H-3-09 LORONG HELANG 1	Penjamin 1	: LEE WAI FENG - 780807075776
Penjamin 1	: ABD RASHID BIN MAT ALI - 470713075149	Penjamin 1	: UZIR BIN IDRIS - 461218075497	Penjamin 1	: 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG	Penjamin 1	: NO.3 JALAN DELIMA 11700 ISLAND GLADES, PULAU PINANG
Penjamin 2	: 14320 NIBONG TEBAL	Penjamin 2	: 5E SOLOK SUNGAI PINANG PULAU PINANG	Penjamin 2	: S. GUNASEELAN A/L SUBRAMANIAM -	Penjamin 2	: LEE WAI PHENG - 701116075154
Penjamin 1	: NOORDIN BIN YUSOP - 670730075091	Penjamin 2	: MD NOR BIN DARUS - 570704025885	Penjamin 2	: 551114075505	Penjamin 2	: NO.3 JALAN DELIMA 11700 ISLAND GLADES, PULAU PINANG
Penjamin 2	: 14320 NIBONG TEBAL	Penjamin 1	: F32 KAMPUNG PERMATANG, PERLIS BUJANG 08100 MERBOK, KEDAH	Penjamin 2	: 354-7-4 LEBUH MACALLUM GAT FLATS 10300 PULAU PINANG	Penjamin 2	: CHAN KUD CHEONG - 720809075011
No Akaun Peminjam	: 8745	No Akaun Peminjam	: 8751	No Akaun Peminjam	: 10300 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: D-3-13 LORONG TENGGIRI 1
Penjamin 1	: MOHAMAD TASnim B ABDUL KHALIM - 820303075549	Penjamin 1	: ONG HUNG LEAN - 790403075330	Penjamin 1	: TTDI 2-7 TAMAN SRI SETIA 11200 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 13700 SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH.
Penjamin 2	: NO.16 LENGKOK SIAKAP 5, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	Penjamin 2	: JAMILAH BINTI HUSAIN - 660812075248	Penjamin 2	: ONG HUNG HONG - 710519075364	Penjamin 2	: 13700 PULAU PINANG
Penjamin 1	: 14 LRG BERTAM INDAH 47, TAMAN BERTAM INDAH	Penjamin 1	: 14 LRG BERTAM INDAH 47, TAMAN BERTAM INDAH	Penjamin 2	: NO.3-6-18 JALAN GANGSA, 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 13700 PULAU PINANG
Penjamin 2	: 13200 KEPALA BATAS	Penjamin 2	: ABDUL KHALIM BIN LEBAI MOHAMAD MAASOM - 490509075123	Penjamin 2	: ONG HUNG BEE - 690609075012	Penjamin 2	: F-2-7 TAMAN SRI SETIA, 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1	: 13700 PRAI	Penjamin 2	: NO.16 LENGKOK SIAKAP 5, SEBERANG JAYA, 13700 PRAI	Penjamin 2	: 11200 PULAU PINANG	Penjamin 2	

Hijrah tenaga mahir topik utama dialog ekonomi

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BAYAN BARU – Penghijrahan tenaga mahir tempatan ataupun ‘brain drain’ menjadi salah satu topik yang diutarakan para penggiat industri bersempena penganjuran Dialog Ekonomi *InvestPenang (iP)* Bersama Penggiat-penggiat Industri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, salah seorang penggiat industri mencadangkan bahawa ibu bapa perlu mendidik anak masing-masing dari kecil bagi menanamkan impian untuk bekerja atau berkhidmat di negeri Pulau Pinang.

Reaksi tersebut memperoleh maklum balas daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir sebagai dif kehormat dan juga salah seorang panel.

Guan Eng yang bersetuju dengan maklum balas tersebut menyatakan bahawa beliau sedar bahawa Pulau Pinang memiliki banyak ‘kepakaran’ dan ramai yang melanjutkan pelajaran di luar negara, malah, bekerja di ‘luar’ (luar negara).

“Anak negeri sememangnya berkebolehan dan mempunyai kepakaran,” ujarnya ringkas di sini baru-baru ini.

Turut hadir sebagai panel

adalah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, (PDC) Datuk Rosli Jaafar.

Bersempena penganjuran tersebut, kira-kira 200 penggiat industri dari pelbagai latar belakang di sini hadir untuk bersama-sama berkongsi pengalaman serta permasalahan masing-masing.

Dalam pada itu, Guan Eng menyatakan bahawa Pulau Pinang mempunyai enam faktor



ANTARA penggiat industri tempatan yang turut serta dalam Dialog Ekonomi iP Bersama Penggiat-penggiat Industri di sini baru-baru ini.

utama kekuatan industri iaitu bakat, kos yang minima, infrastruktur yang baik, urus tadbir baik, kebolehan berbahasa Inggeris yang baik dalam kalangan rakyat dan zon industri berpusat serta kelompok (zon perindustrian).

“Pulau Pinang juga diiktiraf sebagai negeri pertama membangunkan Industri Kecil Sederhana (SME) secara besar-besaran.

“Ini adalah berikutan kewujudan SME Park di Bayan Lepas. Kitajuga memperkenalkan SME Market Advisory, Resources and Training (SMART) yang bertujuan membantu penggiat industri kecil sederhana bagi bersaing di peringkat global,” ujar beliau.

Ekspos kerjaya terbesar November ini



ANTARA ribuan pengunjung yang mengunjungi 11th Penang Career & Postgraduates Expo tahun lalu di sini.

BAYAN LEPAS – Mutakhir ini, tinjauan pasaran pekerjaan di Malaysia menunjukkan peningkatan permintaan pasaran berbanding penawaran dengan syarikat-syarikat terus mengambil pekerja profesional di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

Rentetan itu, 12th Penang Career & Postgraduates Expo 2012 (12th PCPE) yang bakal berlangsung pada 17 dan 18 November ini menawarkan lebih 10,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor dan industri bagi memenuhi permintaan terhadap golongan profesional dan graduan institusi pengajian tinggi (IPT).

Ekspos kali ke-12 yang dianjurkan oleh JobsCentral Malaysia turut membuka peluang kepada mereka yang ingin mencari peluang baru dan pengalaman ditemuduga.

Menurut statistik dikeluarkan pihak terbabit baru-baru ini, sejumlah 53 peratus daripada 3,000 responden adalah graduan IPT dan 68 peratus daripadanya telah berkhidmat selama kira-kira empat tahun.

Walau bagaimapun, kesemua responden masih mencari pekerjaan menawarkan gaji

lebih tinggi dan mempunyai pelbagai faedah termasuk kesihatan dan sambung pengajian.

Ternyata, dalam dunia yang mencabar, bakat dan kemahiran menjadi tunjang utama memilih pekerja. Oleh demikian, para majikan juga diberi peluang untuk menemuduga calon-calon berpotensi pada ekspos yang berlangsung di Pusat Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) berkenaan.

Menariknya, ekspos terbesar di Pulau Pinang tersebut juga bakal memberi peluang kepada graduan untuk menyertai skim-skim pekerjaan yang ditawarkan sebelum melangkah ke dunia pekerjaan.

Malah, pengunjung bertuah dan terpilih bakal memenangi hadiah iPad terbaru dan 10,000 tiket penerbangan percuma yang ditaja oleh syarikat penerbangan, *Firefly Airlines*.

Untuk sebarang maklumat lanjut, layari laman sesawang www.penexpo.com.my atau www.jobscentral.com.my atau hubungi urusetia ekspos di talian 012 - 422 4004 atau 012 - 421 1903.

Ulang Tahun Ke-43 FMM terima penghargaan Ketua Menteri



KETUA Menteri bersama-sama barisan penganjur dan dif-dif jemputan menyempurnakan upacara memotong kek bersempena Majlis Ulang Tahun Ke-43 FMM di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Ulang tahun ke-43 Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) di sini baru-baru ini turut disertai Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng semasa berucap merakamkan penghargaan kepada semua dif kehormat yang hadir atas kejayaan industri pembuatan menyumbang kira-kira 51 peratus pada perkembangan ekonomi di negeri berkenaan, selain, 49 peratus dalam sektor perkhidmatan.

“Yang yang menjadi perhatian kita semua, mampukah Pulau Pinang meneruskan kelangsungan ini melalui

sektor pembuatan, terutama dalam industri E&E (Elektrik dan Elektronik) sebagai penggerak pada jentera ekonomi masa depan negeri ini,” soal beliau.

Presiden FMM, Tan Sri Datuk Yong Poh Kon dan Kooh Cheok Sin (Pengerusi FMM Pulau Pinang) turut berucap pada keraian itu.

Guan Eng berkata, semua pihak berwajib diharap meneruskan usaha mengembangkan potensi industri masing-masing secara dinamik selari dengan hasrat Kerajaan Negeri mahu memakmurkan ekonomi negeri demi kepentingan rakyat terbanyak di negeri berkenaan.

Batal lesen penjaja degil guna polistrena

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Para penjaja dan peniaga yang ‘ditangkap’ melanggar larangan menggunakan polistrena berkecimpungkan berhadapan dengan tindakan lesen perniagaan mereka dibatalkan, tegas Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh di sini baru-baru ini.

Katanya, sekiranya seseorang penjaja dan peniaga didapati melanggar larangan tersebut, satu surat tunjuk sebab akan diberikan.

“Sekiranya penjelasan yang diberikan pihak berkenaan tidak memuaskan, maka, lesen akan dibatalkan kerana larangan tersebut telah diwar-warkan sejak tahun 2009 lagi,” katanya pada sidang akhbar sejurus selepas hebatan program ‘*Girl Guides Go Green*’ di sini baru-baru ini.

Turut hadir, *Chief Commissioner Girl Guides Association of Malaysia – Penang Branch*, Chan Kit Sin dan Naib Yang DiPertua *Girl Guides Association of*

Malaysia – Penang Branch, Datuk Tan Leh Sah.

Menurut Boon Poh, mulai 1 Disember ini, pihaknya akan mulakan operasi dari gerai ke gerai dan akan memastikan penggunaan polistrena dihentikan.

“Alasan penjaja yang menyatakan bahawa masih terdapat banyak bekalan bekas polistrena adalah tidak memuaskan kerana mereka (penjaja) telahpun diberikan masa mencukupi untuk menyelesaikan penggunaan produk tersebut sebelum ini,” tegas beliau.

Beliau memberitahu, ekoran larangan terbabit, penjaja boleh menggunakan bekas makanan biodegradasi atau pembeli membawa sendiri bekas makanan masing-masing ketika membungkus makanan.

Sejak 2009, inisiatif Kerajaan Negeri ‘mengharamkan’ penggunaan polistrena memperlihatkan impak positif apabila banjir kilat di beberapa kawasan sekitar George Town berjaya ditangani termasuk kawalan vektor yang dibawa oleh nyamuk Aedes.



PHEE Boon Poh (tiga dari kanan) bersama wakil penganjur ‘*Girl Guides Go Green*’ memerhatikan laman sosial program berkenaan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Syarat baru mohon & bahanui lesen penjaja

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

PERAI – Bagi membolehkan lesen penjaja baru dikeluarkan atau diperbaharui, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mewajibkan para penjaja makanan menggunakan bekas makanan mudah reput (*biodegradable rice boxes*) berkuatkuasa 1 Januari tahun depan di sini.

Ahli Majlis MPSP, Teoh Seang Hooi ketika ditemui berkata, inisiatif tersebut merupakan salah satu usaha pihak berkenaan dalam mendidik para penjaja di seluruh kompleks makanan MPSP berhubung aspek menghargai dan memelihara alam sekitar.

Katanya, berkuatkuasa 1 Januari tahun depan, semua penjaja di kompleks penjaja MPSP dilarang sama sekali menggunakan bekas polisterin.

“Penggunaan bekas mudah reput ini lebih mesra alam berbanding polisterin yang mencemarkan alam sekitar, tidak boleh dikitar semula mahupun dilupuskan,” katanya ketika mengagihkan 1,000 bekas makanan mudah reput kepada 30 gerai makanan di Kompleks Makanan MPSP Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.



TEOH Seang Hooi (dua dari kanan) menyerahkan bekas makanan mudah reput kepada seorang peniaga di Kompleks Makanan MPSP Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

Menurut Seang Hooi, bekas makanan mudah reput tersebut akan dibekalkan dan para penjaja boleh mendapatkan daripada MPSP.

“Jadi, para penjaja tidak ada alasan mengatakan bahawa ‘tiada stok’ kerana bekalan terbabit memang disediakan MPSP.

“Kegagalan para penjaja mematuhi syarat berkenaan bakal menyebabkan lesen masing-masing ditarik balik,” ujar beliau sambil menegaskan bahawa saranan tersebut telah dimaklumkan sejak 1 Januari lalu.

Dalam pada itu, Seang Hooi memberitahu bahawa MPSP juga menggalakkan para pelanggan untuk membawa bekas makanan sendiri dari rumah.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (belakang, dua dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama-sama para pemenang Larian Hijau MPSP 2012 pada majlis penghargaan program berkenaan di sini baru-baru ini.

Larian awal tidak gugat semangat 903 peserta

BUKIT MERTAJAM – Walaupun acara dimulakan seawal jam 5 pagi, ia langsung tidak menggugat semangat 903 peserta Larian Hijau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 2012 yang julung kali diadakan di sini baru-baru ini.

Penganjuran larian bagi menggalakkan cara hidup sihat dalam kalangan masyarakat awam tersebut juga bertujuan mempromosikan Bukit Mertajam sebagai sebuah bandar berpotensi dimajukan sebagai destinasi sukan pelancongan serantau.

Pada masa sama, ia juga dapat melahirkan kesedaran serta mewujudkan hubungan baik antara pihak MPSP dan orang ramai di kawasan Seberang Perai.

Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya menerima sambutan yang menggalakkan walaupun program yang memperoleh kerjasama semua pihak terbabit dilaksanakan buat julung kali.

“Larian Hijau MPSP 2012 mengambil jarak sepanjang 21 kilometer (km) bagi

acara pertandingan dan 3 km bagi acara ‘Fun Run’.

“Terdapat lima kategori yang dipertandingkan iaitu ‘Men’s Open’, ‘Men’s Junior Veteran Open’, ‘Men’s Senior Veteran Open’, ‘Women’s Open’ dan ‘Women’s Veteran Open’ dengan tawaran hadiah bernilai RM15,000 secara keseluruhan,” katanya pada Majlis Penghargaan Larian Hijau MPSP 2012 di sini baru-baru ini.

Antara barisan penaja yang turut sama menjayakan penganjuran tersebut adalah Datuk Lim Wah Lee dari Syarikat Wah Lee Chain Store Sdn. Bhd., BM City Reality & Construction Sdn. Bhd., Yeo’s Sparkling H-TWO-O Isotonic Drink, TG Ocean Health Food Industries Sdn. Bhd., Global Megajasa Sdn. Bhd., VSD Mithas Sdn. Bhd., Official Lifestyle Priviledge Card, Cape Technology Sdn. Bhd., Key Power 2XU dan Grocer Store. Turut terlibat adalah, Penang Adventures Clubs (PAC), iRunner dan Penang Amateurs Athletics Association (PAAA).

Lelaki perlu bangga, sokong keupayaan wanita

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN LEPAS – Kaum lelaki tidak seharusnya berasa tercabar apabila wanita ingin seiringan bersama, sebaliknya, mereka (kaum lelaki) perlu memberi sokongan dan bangga dengan keupayaan wanita yang mampu melaksanakan pelbagai tugas dengan sempurna.

Amanat tersebut diucapkan isteri kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Betty Chew Gek Cheng ketika hadir merasmikan program *Women @ OSRAM: Gender Awareness* yang julung kali dianjurkan syarikat gergasi pengeluar cip elektronik, OSRAM Opto Semiconductor (OSRAM) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Kata beliau, wanita berkerjaya unik dan mempunyai personaliti anggun. Malah, kaum Hawa berkerjaya juga mempunyai ketergesaan dan keterbukaan dalam melontarkan pandangan terutama dalam hal-hal yang memerlukan ‘sentuhan lembut’ seorang wanita.

“Saya pasti, anda semua merupakan seorang ibu yang penyayang, seorang isteri yang patuh serta taat dan seorang wanita

berkerjaya yang berjaya serta berdedikasi.

“Tahniah kepada anda kerana telah menjadi inspirasi kepada wanita-wanita lain di luar sana untuk bangkit sama-sama memperjuangkan kesaksamaan gender terutama di tempat kerja,” ucap beliau baru-baru ini.

Program pelancaran *Women @ OSRAM: Gender Awareness* yang menyediakan platform kepada pekerja wanita untuk berkongsi pengalaman dalam meningkatkan kesedaran tentang peranan kaum Hawa dalam industri pembuatan turut diserikan dengan penampilan istimewa artis, Tengku Aidil yang mendendangkan dua buah lagu secara langsung.

Betty yang turut berkongsi pengalaman sebagai seorang ibu kepada empat cahaya mata, seorang isteri kepada Ketua Menteri, seorang peguam dan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menyatakan bahawa bukan mudah melaksanakan semua tanggungjawab tersebut tanpa sokongan dan dorongan suami.

“Suami perlulah menyokong isteri yang berkerja, perlu membantu dalam hal-hal berkaitan keluarga dan perlu menjadi ‘multitasker’ supaya isteri mereka dapat



BETTY Chew Gek Cheng (kiri) beramah mesra bersama-sama sebahagian pekerja wanita yang hadir menjayakan program *Women @ OSRAM: Gender Awareness* di sini baru-baru ini.

melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna dan penuh senyuman,” ujar Betty.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru golongan wanita untuk saling berkerjasama dan berkongsi pengalaman serta membantu dalam meningkatkan jati diri serta mandiri kerana menurutnya, ia mampu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berdaya saing.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Urusan OSRAM Pulau Pinang, Dr. Ronald Mueller, OSRAM sentiasa memastikan hak pekerja wanita mereka terjamin.

“Misalnya dengan pembinaan lantai (*production floor*) yang selamat untuk wanita hamil dan cuti bersalin 90 hari ditawarkan kepada kira-kira 3,200 pekerja wanita di sini iaitu 68 peratus daripada 4,700 pekerja keseluruhannya,” katanya.

Bajet 2013 perlu peka isu berkaitan wanita – Chong Eng

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng dalam kenyataan akhbar beliau baru-baru ini di sini menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak supaya melepaskan jawatan sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Katanya, tanggungjawab yang digalas Najib sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan menuntutnya memberi fokus serta menghabiskan masa dalam urusan rasmi kedua-dua kementerian tersebut.

“Dia (Najib) tidak mungkin mempunyai masa yang lebih untuk menjalankan tugas sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

“Oleh itu, saya meminta agar Najib meletakkan jawatan sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,”

katanya ketika perbahasan Bajet 2013 di Parlimen baru-baru ini.

Tambah beliau, Najib tidak peka dalam isu berkaitan wanita apabila ucapan beliau sempena sambutan Hari Wanita Kebangsaan ke-50 baru-baru ini di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Selangor menyatakan bahawa ‘pergerakan menuntut hak wanita tidak perlu dijalankan di negara ini kerana wanita telah diberikan hak mereka sejak kemerdekaan lagi’.

Hal ini, katanya, jelas menunjukkan bahawa Najib meremeh dan memperlekehkan hak wanita di Malaysia.

“Ketidakpekaan Najib dalam isu-isu wanita telah menidakkannya sebagai wanita dalam mengarusperdanakan hak dan kesaksamaan wanita di Malaysia,” tegas Chong Eng.

Selain itu, ujarnya, inisiatif kerajaan menyediakan

perkhidmatan dan pusat jagaan kanak-kanak adalah dasar paling berkesan dalam membantu kaum ibu yang berkerjaya. Tetapi malangnya, apabila perbentangan Bajet 2013 baru-baru ini, Najib langsung tidak menyentuh hal tersebut.

Walau bagaimanapun, Chong Eng bersetuju dengan rancangan Program Pengarah Wanita yang bertujuan melatih 500 wanita untuk diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah di syarikat swasta.

“Rancangan ini akan menambahkan pembabitan wanita sebagai pembuat dasar dalam lembaga pengarah.

“Saya bercadang agar pihak berkenaan mengumumkan syarat-syarat (rancangan tersebut) secara terperinci kepada umum bagi mengelakkan program tersebut dikatakan hanya memberi manfaat

kepada pemimpin-pemimpin wanita UMNO sahaja,” tegas beliau.

Beliau berpendapat bahawa rancangan tersebut harus dirangkumi dengan unsur pengenalan kesaksamaan gender agar wanita yang menyertai rancangan tersebut dapat berfikir dan membuat keputusan berdasarkan kesaksamaan dan keadilan gender.

“Kini, kerajaan Barisan Nasional (BN) hanya mempunyai seorang menteri wanita sahaja berbanding kerajaan BN terdahulu yang mempunyai tiga wanita dalam kabinet.

“Ini jelas menunjukkan kegagalan kerajaan BN di bawah pimpinan Najib termasuklah jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bukan dipangku oleh wanita.

“Sekiranya Najib tidak melantik



CHONG Eng.

ahli parlimen wanita dari BN yang berkelayakan untuk menggantikan Shahrizat adalah disebabkan masalah dalam UMNO, maka dia (Najib) boleh melantik siapa sahaja dalam kalangan aktivis hak wanita.

“Ramai aktivis dalam organisasi pergerakan hak wanita terlibat dalam bidang akademik dan ramai lagi yang layak dan mampu memegang jawatan tersebut,” tegas Chong Eng.



Oleh: YAP LEE YING

Gambar: ALISSALA THIAN

RASANYA manis *original* (asli), menyegarkan dan lain dari yang dijual di pasaran.

Itulah gambaran penulis apabila menghirup nira nipah keluaran Osman Md. Isa, 59, atau lebih popular dengan gelaran Pak Man yang merupakan pengusaha air dan cuka nipah terkemuka di Kampung Tepi Laut, Pasir Gebu, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

Kedatangan Buletin Mutiara (BM) di kediaman Pak Man disambut mesra oleh isterinya.

Sementara menunggu kepuungan Pak Man dari pekan, kami menyusuri lorong kecil tepi rumahnya bagi meninjau sendiri keunikan ladang nipah seluas enam ekar milik beliau.

Kira-kira enam tahun berkecimpung dalam perusahaan tersebut, Pak Man kini memiliki 1,000 pokok nipah yang bakanya diperoleh dari serata negeri di utara Semenanjung yang menawarkan kualiti lebih bagus.

"Baka yang paling bagus adalah dari Sabah dan Sarawak," jawab Pak Man ringkas sebagai pembuka bicara pada sesi temuramah pada hari berkenaan.

Tidak dinafikan, penglibatan Pak Man dalam bidang tersebut adalah hasil pengaruh ayahnya sejak dari kecil. Namun, bagi dirinya,

keunikan tumbuhan tersebut yang membuatkan beliau meneruskan tradisi berkenaan.

"Nira dan cuka nipah ada banyak khasiatnya. Ia boleh cuci buah pinggang, rawat penyakit darah tinggi, sakit-sakit lutut, bisa-bisa binatang dan rahsia awet muda iaitu dengan mencampurkan cuka dengan bedak dan madu sebelum disapukan pada muka.

"Malah, orang mengandung juga boleh minum nira nipah ni. Tapi, masa masuk sembilan bulan, tak boleh, kerana air ni (nira nipah) sejuk, takut budak (bayi dalam kandungan) tak boleh pusing.

"Sekiranya nira dicampur madu, ia dapat meningkatkan tenaga batin," jelas beliau yang pernah mewakili negeri sebagai pengusaha aktif nira nipah pada peringkat kebangsaan.

Sebelum bergiat sepenuh masa dalam perusahaan tersebut, Pak Man pernah terlibat dalam projek tanaman sayur-sayuran sejak tahun 1978. Namun, minatnya adalah lebih mendalam kepada nira nipah.

Baginya, perusahaan nira nipah memerlukan banyak komitmen, kesabaran, ketabahan dan memperuntukkan kegigihan usaha seseorang pengusaha.

"Pokok nipah berduri dan tajam. Saya pernah menerima empat jahitan akibat terkena pisau pemotong," ujar Pak Man yang meletakkan 'kecederaan' sebagai



PAK Man menunjukkan produk-produk keluarannya.

Ladang nipah Pak Man harap dinaiktaraf jadi produk pelancongan

syarat wajib bagi seseorang peneroka/pengusaha nira nipah.

Pada peringkat permulaan, demi mempromosikan produk keluarannya, Pak Man sanggup membekalkan produk keluarannya secara percuma di kedai-kedai berhampiran.

Usaha yang disemai dalam tempoh setahun itu

akhirnya membawa hasil apabila permintaan terhadap produk beliau kini kian meningkat, malah, tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

"Dulu, jual kat kedai. Sekarang, orang datang ke rumah," jawab Pak Man sambil menyatakan bahawa hanya terdapat seorang atau dua pengusaha sahaja di Pulau Pinang yang betul-betul komited dalam perusahaan nira nipah.

Lazimnya, pokok nira nipah memerlukan tempoh masa empat tahun untuk dituai. Tandan buah yang tumbuh dicantas dan kemudian diletakkan botol pada penghujungnya.

Dalam tempoh lima jam, nira



TANDAN bunga pokok nipah yang sedia dituai.

perusahaannya, Pak Man berharap dapat memperoleh bantuan peti sejuk bekas bagi menyimpan bekalan produk keluarannya.

Malah, beliau yang dikurniakan tujuh cahaya mata tersebut turut berharap terdapat pihak dan jabatan berkaitan mengambil inisiatif khas menaiktaraf ladangnya sebagai pusat pelancongan

termasuk projek homestay, pertanian dan lain-lain potensi sebagaimana dipraktik di luar negara.

Selain nira nipah, Pak Man turut mengusahakan cuka nipah yang turut diiktiraf pengeluarannya.

Tempahan & maklumat lanjut :
Sinar Tropik Venture
5683, Pasir Gebu Tepi Laut, 13100 Penaga, Pulau Pinang.

012 – 509 9708 /
017 – 400 8972
sinartropik@gmail.com



CUKA nipah keluaran Pak Man.

Imarah Masjid secara musyawarah - Rosidi Hussain

**ROSIDI
Hussain.**

SESI pentadbiran Masjid-Masjid di Pulau Pinang yang dijadualkan tamat pada penghujung tahun ini sudah tentu menuntut pada proses melantik Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid yang baru.

Atas tuntutan itu, suatu persiapan khusus sedang dilakukan membabitkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan perkenanan Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong bermula sejak September lepas lagi.

Ahli Majlis bagi MAINPP, Rosidi Hussain selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid-Masjid Pulau Pinang semasa ditemui wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** mengakui bahawa taklifan yang diterimanya ini bukanlah suatu kerja yang mudah.

“Proses melantik Ahli Karyah Masjid sepatutnya tahun lepas, dilanjutkan tempoh sehingga Disember tahun ini.

“Selama setahun, atas kebijaksanaan pihak istana, pihak istana telah melantik Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Tuan Haji Sazali Hussein untuk mengetuai Jawatankuasa Bebas bagi mengemukakan proses melantik Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid dan jawatankuasa ini dianggotai oleh kakitangan kerajaan

sahaja dan pimpinan badan bukan kerajaan (NGO).

“Pihak istana tak lantik Exco Hal Ehwal Agama, Tuan Haji Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Datuk Mohd. Salleh Man (Yang Dipertua MAINPP), saya atau mana-mana ahli politik untuk menganggotai jawatankuasa bebas itu supaya cadangan yang sampai ke istana kelak adalah benar-benar dilihat bebas dari pengaruh politik.

“Saya difahamkan, banyak kali mesyuarat diadakan untuk mencari kaedah dan tatacara terbaik dan Agong perkenan dengan proses melantik Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid dilakukan secara musyawarah dengan sistem ‘angkat tangan’ dalam mesyuarat.

“Selepas saya dilantik menjadi Ahli Majlis bagi MAINPP, saya diberi amanah untuk merealisasikan hasrat istana ini. Tugas ini, saya akui bukan mudah dan memerlukan kebijaksanaan dan kesabaran,” ujar beliau.

KONTROVERSI?

Menurut Rosidi, proses melantik Jawatankuasa Karyah Masjid sejak tahun lepas menjadi perhatian umum disebabkan laporan media massa arus perdana serta ahli-ahli politik pembangkang Pulau Pinang.

“Sebahagian mesyuarat Kariah Masjid memang ada semasa itu dan hasil keputusan mesyuarat pun

memang ada dihantar ke Pejabat Agama Daerah sebelum sampai ke MAINPP. Tak tahu siapa yang patut dipersalahkan (kerana) senarai nama lain yang dihantar oleh kariah, tetapi nama lain yang menerima surat watikah pelantikan.

“Lagi sedih, mereka yang menerima (watikah perlantikan) ini ada yang bukan ‘orang masjid’ tetapi kepada mereka yang tiada integriti.

“Selepas Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpindah tangan, baru kita sedari bahawa urus tadbir Masjid seakan ada yang tidak kena dan perlu diperbaiki secara integriti apabila mesyuarat kariah tidak diadakan sabantahundi kebanyakan masjid, tiada audit dalaman dalam duit tabung masjid serta wujud unsur salah guna kuasa dalam mengurus program-program masjid sampai masjid tidak imarah dengan majlis ilmu dan sebagainya. Semua masalah malar segar ini bukan berlaku di semua masjid, tapi di kebanyakan masjid yang menolak proses melantik Jawatankuasa Kariah Masjid belakangan ini.

“Menyedari hakikat ini, proses melantik jawatankuasa kariah yang baru mesti berbeza dengan zaman sebelum tahun 2008. MAINPP sepakat dengan perkenaan Agong, iaitu ahli-ahli kariah mesti diberikan suara untuk melantik Jawatankuasa Kariah Masjid



masing-masing secara ‘angkat tangan’ sekiranya wujud unsur-unsur ketidakadilan atau tiada ketelusan, pihak anak karyah atau k a r y a h s e n d i r i b o l e h mengemukakan cadangan alternatif mengenai kaedah dan tatacara pelantikan ini kepada MAINPP semula.

“Tak perlulah saya sebut, mengapa kaedah dan tatacara melantik Ahli Karyah Masjid sekarang ini ditentang habis-habisan oleh proksi-proksi pembangkang Pulau Pinang?,” ujar beliau.

Beliau mendakwa, kaedah dan tatacara melantik Jawatankuasa Kariah Masjid yang diperkenan oleh Agong dipertikai mungkin disebabkan pihak-pihak tertentu itu muhu menyembunyikan sesuatu yang tidak telus dari pengetahuan umum.

PERSIAPAN

Beliau berkata, mesyuarat kariah dan proses melantik jawatankuasa kariah masjid dijadualkan bermula awal tahun depan.

“Januari ini, MAINPP akan melakukan kerja-kerja mengabsah Ahli-Ahli Kariah yang berdaftar sebelum proses melantik Jawatankuasa Karyah Masjid yang baru dilakukan.

“Lebih kurang 45 hari masa untuk semua Jawatankuasa Karyah Masjid memilih tarikh yang sesuai bagi mengadakan mesyuarat melantik Ahli Kariah Masjid masing-masing. Cadangkan tarikh, masa dan tempat, wakil MAINP atau wakil Pejabat Agama Daerah akan turut sebagai pemudah cara,” ujar beliau.

HARAPAN

Demi mengangkat martabat Masjid sebagai ‘One Stop Center’ bagi semua lapisan rakyat sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w di negara moden Madinah al-Munawwarah, Rosidi berkata, beliau akan cuba membawa konsep UMMI - Ukhwah (persaudaraan), Mahabbah (kasih sayang) dan Muhasabah (koreksi) dan Istiqamah (memakmurkan masjid) sebagai budaya pengurusnya dalam MAINPP.

“Harapan saya, MAINPP boleh bersama-sama dengan seluruh rakyat, khususnya umat Islam di Pulau Pinang ini dalam melakukan kerja-kerja kebaikan sungguhpun mempunyai cara berfikir yang berbeza.

“Kalau boleh, semua pihak berwajib boleh membantu MAINPP melangsungkan proses melantik Jawatankuasa Kariah Masjid sebaik mungkin kerana Masjid adalah simbol perpaduan ummah yang mesti direalisasikan oleh semua kita.

“Orang Islam minoriti di Pulau Pinang, saya rasa, pendekatan Ukhwah, Mahabbah, Muhasabah dan Istiqamah atau “UMMI” dalam meingimarkan semua masjid di negeri ini perlu partisipasi kita semua.

“MAINPP akan terus mencari jalan untuk membantu pentadbiran di peringkat masjid-masjid sedaya mungkin kerana yang lebih penting dari soal proses melantik Jawatankuasa Kariah Masjid ini sebenarnya adalah mengimarkan masjid dengan aktiviti dakwah, kuliah-kuliah ilmu biar jadi seperti ‘One Stop Center’ semacam zaman Rasulullah s.a.w,” ujar beliau.



**R O S I D I
Hussain ketika diwawancara BM.**

Lokasi pasar lama dicadang jadikan parkir



FELIX Ooi Keat Hin.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN — Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 10 Tahun 2012 dalam pertimbangan dan cadangan untuk menjadikan lokasi lama Pasar Balik Pulau sebagai parkir meletak kenderaan ekoran bangunan terbabit telah terbiar kira-kira enam tahun lalu.

Dalam cadangan dikemukakan oleh Ahli Majlis MPPP, Felix Ooi Keat Hin berkata, kompleks pasar lama tersebut bakal dirobohkan MPPP dan dijadikan sebagai satu kawasan terbuka meletak kenderaan kepada orang ramai.

"Akibat daripada perpindahan para peniaga ke kompleks pasar baru, ia telah menyebabkan pasar sedia ada terbiar begitu sahaja dalam keadaan yang kotor, usang serta merbahaya kepada orang awam apabila ia menjadi tempat penangih dadah berkumpul dan anjing berkeliaran."

"Kawasan sekitar yang sesak juga memperuntukkan satu lokasi lebih besar dan strategik untuk mendirikan parkir," ujarnya pada Mesyuarat Biasa Majlis di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah Felix, sekiranya tiada sebarang bantahan diterima, cadangan menjadikan kawasan terbuka parkir berkenaan bakal diteruskan sementara menunggu MPPP melaksanakan proses merancang.

"Kita (MPPP) amat mengalu-alukan pendapat dan pandangan orang ramai untuk penambahbaikan kawasan ini. Asalkan, komponen sejarah, sosial, identiti dan budaya dikekalkan agar ianya sinonim dengan Balik Pulau."

"Mungkin di dalam jangka masa panjang, lokasi tersebut boleh dijadikan pasar hujung minggu dengan 'memberikan' semula kawasan tersebut kepada penduduk tempatan," ujarnya.

MPSP kuatkuasa zon larangan menjaja



(Dari kiri), SETIAUSAHA Perbandaran MPSP Sr. Rozali Mohamud dan Maimunah Mohd Sharif (tengah) ketika berlangsungnya Majlis Mesyuarat Penuh MPSP di sini baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tiga dari kanan), Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud (tengah) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPSP menunjukkan tanda bagus terhadap Bajet 2013 MPSP yang diluluskan pada Mesyuarat Penuh Khas Bajet di sini baru-baru ini.

Bajet 2013 MPSP – Peruntukan baru RM100 ribu untuk kemudahan OKU

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

BUKIT MERTAJAM — Sebanyak 31 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan Bajet 2013 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal ditumpukan kepada aspek pembersihan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Yang DiPertua, Maimunah Mohd. Shariff pada Mesyuarat Penuh Khas Bajet MPSP 2013 bertempat di Dewan Kenanga MPSP di sini baru-baru ini.

Katanya, MPSP amat menitikberatkan hal kebersihan.

"Sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), memang kita (MPSP) tidak boleh lari daripada aspek kebersihan yang merupakan bidang utama."

"Justeru, saya ingin menyeru kepada semua supaya aktifkan inisiatif kitar semula kerana melalui usaha tersebut, MPSP pasti bahawa peruntukan pembersihan pasti dapat dikurangkan ekoran pengurangan bahan buangan dan sampah di masa depan," ujarnya.

Dalam pembentangan Bajet 2013 MPSP, perbelanjaan adalah tertumpu kepada sembilan perkara utama iaitu pembersihan sebanyak RM85.58 juta, lalulintas (RM10.7 juta), pembangunan insan (RM3.07 juta), keceriaan (RM3.07 juta), mengukuhkan kedudukan kewangan (mendapatkan hasil) (RM17.75 juta), kawalan banjir (RM5.74 juta), perkhidmatan dan komuniti (RM2.14 juta) dan menaiktaraf struktur dan penyelenggaraan (RM8.38 juta).

BUKIT MERTAJAM — Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal menguatkuasakan zon larangan menjaja terhadap para peniaga yang didapati menjalankan perniagaan di kawasan diwartakan (kawasan larangan bermiaga) mulai tahun depan.

Yang DiPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, sejak dengan matlamat MPSP untuk mewujudkan kawasan lebih bersih dan teratur, para peniaga diwajibkan mematuhi peraturan ditetapkan.

"Jika terdapat peniaga bermiaga di kawasan yang diwartakan, mereka (peniaga) akan diberi notis untuk mengosongkan tempat tersebut."

"Bagi kawasan diwartakan pertama adalah di Bandar Perda bermula dari simpang restoran makanan segera, McDonald (bersebelahan Politeknik Seberang Perai) di sepanjang Jalan Perda Utama sehingga lampu isyarat Balai Polis Perda, sebahagian Jalan Perda Barat yang bermula dari Masjid Perda ke bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB)."

Aspek-aspek berkenaan dilihat begitu penting dalam menjadikan MPSP bertaraf antarabangsa sejarah misi Kerajaan Negeri.

Tambah Maimunah, dari Januari hingga Ogos 2012, kadar kitar semula di Seberang Perai mencapai kadar 24.81 peratus dan berharap dapat mencapai 30 peratus sebagaimana disasarkan Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, menurut beliau, bagi tahun 2012, MPSP mencatatkan prestasi dengan hasil sebanyak RM146.47 juta, perbelanjaan RM130.73 juta dan lebihan sebanyak RM15.74 juta.

"Defisit pada tahun ini dapat ditampung dengan lebihan terkumpul yang terdapat dalam Kumpulan Wang Majlis hasil perbelanjaan 'kreatif', " jelas beliau.

Beliau memberitahu, bagi Bajet 2013, MPSP menyasarkan pendapatan sebanyak RM200.93 juta, perbelanjaan (RM 211.28 juta), manakala defisit (RM10.35 juta).

"Fokus bajet adalah meliputi aspek pembersihan dan kehijauan, mewujudkan eko komuniti, perancangan dan pembangunan, penguatkuasaan, peningkatan hasil dan penjimatkan kos, penyertaan komuniti dalam pengurusan fiskal dan pembinaan kapasiti modal insan."

"Antara peruntukan baru yang diperkenalkan adalah untuk mempertingkatkan kemudahan orang kurang upaya (OKU) sebanyak RM100,000 dan untuk setiap ahli majlis bagi menampung permintaan di kawasan masing-masing (RM 20,000)," jelas beliau.

"Bagi kawasan kedua adalah membabitkan lokasi di Bandar Sunway merangkumi Jalan Todak yang bermula dari Jalan Todak 5 hingga Lebuhraya Butterworth – Kulim dan Jalan Todak 2, 3, 4 dan 5.

"Di Bandar Butterworth adalah di jajaran Jalan Bagan Luar dan jalan sekeliling Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi."

"Begitu juga, Zon Perindustrian Bebas Perai dan Penang Science Park yang turut diwartakan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Penuh Majlis Penuh MPSP di sini baru baru ini.

Menurut Maimunah, MPSP akan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan di lokasi-lokasi dinyatakan dan disarankan peniaga 'terlibat' dapat hadir temuduga terbuka kompleks makanan bagi pengisian ruang niaga MPSP secara sah.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, MPSP kini giat melaksanakan operasi waran tahanan ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tandas dinilai demi imej negeri

Oleh: **WATAWA NATAF**
ZULKIFLI

PADANG KOTA - Semua 821 tandas bahagian pulau negeri ini bakal diperiksa dan diberi permarkahan dalam Pertandingan Kebersihan Tandas Fasa II Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini.

Inisiatif yang berlangsung dari tempoh September hingga penghujung bulan ini adalah ekoran kejayaan program fasa I yang dilaksanakan pada Mei hingga Ogos lalu.

Menurut Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong, tandas-tandas dibahagikan kepada empat kategori iaitu tandas sekolah,

bangunan kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan tempat awam seperti stesen minyak, kedai makan/restoran serta kompleks beli-belah.

“Pemarkahan adalah berdasarkan 90 markah ke atas – taraf 5 bintang; 81 - 89 (4 bintang); 71 - 80 (3 bintang); 61 - 70 (2 bintang); 51 - 60 (1 bintang); manakala, di bawah 50 adalah gagal.

“Tandas yang mendapat 5 dan 4 bintang akan terus bertanding untuk ke peringkat seterusnya dan pemenang setiap kategori akan diberikan trofi khas,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Ah Teong, keputusan pelaksanaan program fasa I secara

keseluruhan menunjukkan bahawa tandas di bahagian pulau Pulau Pinang berada pada tahap memuaskan.

“Saya berharap tandas-tandas yang berada pada tahap kurang memuaskan dapat dinaikkan taraf tahap kualiti masing-masing kerana ia merupakan imej bagi sebuah kerajaan.

“Jika didapati sebuah tandas itu termasuk dalam kategori gagal, pemilik akan diberikan notis tiga hari bagi membersihkan tandas terbabit. Sekiranya masih gagal, MPPP akan menghantar skuadnya sendiri bagi operasi pembersihan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak terbabit,” tegas Ah Teong.



ONG Ah Teong (tengah) menunjukkan kad pemeriksaan tandas di Padang Kota Lama (bersebelahan taman permainan) yang diberi status 5 bintang di sini baru-baru ini.



ANTARA tetamu yang hadir pada Majlis Makan Malam Penghargaan sempena kejayaan penganjuran 5th TPO Forum 2012 di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Penganjuran 5th TPO Forum 2012, jasa semua pihak diiktiraf

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN - Komitmen warga Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang terlibat dalam menjayakan penganjuran sulung 5th TPO Forum 2012 (TPO Forum 2012) di sini baru-baru ini membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan merangkul anugerah Kempen Pemasaran Terbaik.

Selain itu, penganjuran forum tersebut turut merekodkan kehadiran paling ramai Datuk Bandar, pelajar-pelajar hospitaliti dan pengurusan pelancongan serta acara-acara dalam sejarah TPO Forum.

Pengumuman bersejarah tersebut disempurnakan Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail pada Majlis Makan Malam Penghargaan di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini di sini.

Katanya, pengiktirafan tersebut merupakan satu penghargaan buat kita (semua pihak terlibat) dan Alhamdullilah, matlamat kita tercapai dengan

perancangan yang teratur dan rapi.

“Malah, pemilihan George Town sebagai tuan rumah forum merupakan satu pengiktirafan yang besar buat bandaraya George Town khususnya,” katanya di sini.

Hadir sama, Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha, wakil-wakil dari ketua jabatan kerajaan dan swasta, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

TPO Forum 2012 telah berlangsung di sini dari 17 hingga 20 September lalu.

Menurut Patahiyah, beliau tersentuh dengan kerjasama dan sumbangan yang diberikan terhadap MPPP dalam menjayakan forum bertaraf antarabangsa tersebut.

“Semua pihak membantu tidak kira masa, wang ringgit dan tenaga demi kebaikan rakyat dan untuk meningkatkan imej Pulau Pinang sendiri.

“Diharap kerjasama yang erat dijalankan ini dapat mengeratkan lagi hubungan sedia ada,” ujarnya.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

BUKIT MERTAJAM - Direktorat Penguatkuasaan bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini melancarkan operasi bersepadu menangani kenderaan berat parkir di kawasan kediaman awam sekitar Seberang Perai.

Sebanyak 13 kompaun dikeluarkan hasil operasi semalam yang diketuai Ahli Majlis bagi MPSP, Francis Ong Koon Liak dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), penguatkuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), KPKM Amirudin A. Sani (JPJ) dan Inspektor Mohd. Azarul Alias (PDRM).

Francis menjelaskan, MPSP menerima sebanyak 151 aduan rakyat sejak Januari 2012 hingga Ogos 2012.

Katanya lagi, sebanyak 136 aduan rakyat diterima sejak Januari 2011 hingga Ogos 2011.

“Ini menunjukkan terdapat peningkatan dan menunjukkan ketidakprihatinan pemandu kenderaan berat terhadap keresahan penduduk setempat,” ujar beliau.



PENGUATKUASA MPSP sedang menunda sebuah bas kilang di Taman Permata dalam operasi bersepadu menangani kenderaan berat parkir di kawasan kediaman awam sekitar Seberang Perai di sini baru-baru ini.

Operasi bersepadu kenderaan berat parkir merata dilancar

ujar beliau di Kompleks MPSP, di sini.

Turut hadir, dua Ahli Majlis bagi MPSP lain, Ahmad Kaswan Kassim dan Abdul Latif Abdullah.

Hadir bersama, Nazri Abdul Wahab (Ketua Direktorat MPSP), Kapten (B) Mohd. Khairi Abdul Rahman (SPAD), KPKM Amirudin A. Sani (JPJ) dan Inspektor Mohd. Azarul Alias (PDRM).

Francis menerima sebanyak 151 aduan rakyat sejak Januari 2012 hingga Ogos 2012.

Katanya lagi, sebanyak 136 aduan rakyat diterima sejak Januari 2011 hingga Ogos 2011.

“Ini menunjukkan terdapat peningkatan dan menunjukkan ketidakprihatinan pemandu kenderaan berat terhadap keresahan penduduk setempat,” ujar beliau.

33 bakal jemaah haji dirai



SEBAHAGIAN bakal jemaah haji bergambar bersama tetamu kehormat yang turut serta dalam Majlis Meraikan Bakal-bakal Haji di sini baru-baru ini.

Bengkel Pengurusan Jenazah dianjur untuk anak muda

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

PINANG TUNGGAL – Bagi membuka ruang kepada anak-anak muda mempraktikkan pembelajaran fardhu ‘ain dan fardhu kifayah yang dipelajari secara teori, pejabat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal mengambil inisiatif khas mengajurkan Bengkel Pengurusan Jenazah di surau Kampung Bakar Bata, Bumbung Lima di sini baru-baru ini.

Pegawainya, Muhasdey Muhamad berkata, pengajuran tersebut adalah bertujuan memberi pendedahan lanjut kepada golongan muda yang merupakan pewaris yang bakal menerusikan legasi agama.

“Selain perkara-perkara asas pengurusan jenazah, para peserta turut didepak dengan cara-cara memandikan mayat, mengkafarkan dan solat jenazah,” katanya Bengkel Pengurusan Jenazah di sini baru-baru ini.

Seramai 100 anak-anak muda hadir dalam bengkel yang julung kali diadakan dan turut dihadiri ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Kata Muhasdey, golongan muda kini hanya mempelajari

fardhu ‘ain dan fardhu kifayah di sekolah dan mula melupainya apabila meningkat dewasa.

“Kebanyakan golongan muda hanya memahami teori dan tidak mempraktikkan apa yang dipelajari, justeru, saya mengambil inisiatif mengadakan bengkel ini,” ujar beliau.

MODERATOR memberi tunjuk ajar tentang cara-cara yang betul mengkafarkan jenazah bersempena pengajuran Bengkel Pengurusan Jenazah di surau Kampung Bakar Bata, Bumbung Lima di sini baru-baru ini.



Penduduk Pasir Gebu cuba rawatan bekam



PENAGA – Bagi memartabatkan semula amalan perubatan tradisional, bekam, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga dengan usahasama Dunia Herba HPA mengambil inisiatif menganjurkan program berbekam di Kampung Pasir Gebu di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, seramai 30 penduduk tempatan hadir bagi mencuba teknik perubatan yang dipercayai terapi perawatan yang mampu menyembuhkan pelbagai penyakit seperti insomnia, hepatitis, anemia, radang jantung, jerawat, migrain dan mampu mengembalikan vitalitas atau stamina seseorang.

Pegawainya, Rosidi Hussain berkata, selain rawatan bekam, turut diadakan adalah pemeriksaan kesihatan secara percuma termasuk akupunktur, ujian diabetis dan ujian tekanan darah.

Dunia Herba HPA merupakan satu-satunya syarikat bumiputera islam yang memiliki kilang bertaraf ‘Good Manufacturing Practice’ semenjak 1997 dan mempunyai kepakaran dalam ramuan herba-herba tempatan serta perawatan holistik.

SALAH seorang penduduk tempatan yang mendapatkan rawatan berbekam bersempena pengajuran program berbekam di Kampung Pasir Gebu di sini baru-baru ini.

PULAU BETONG – Seramai 33 bakal jemaah haji diraikan dalam suatu majlis yang diadakan khas di Masjid Daerah Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Majlis Meraikan Bakal-bakal Haji anjuran Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong dan Teluk Bahang tersebut turut mendapat kerjasama dari Pejabat Khidmat Ahli Parlimen Balik Pulau dan Pejabat Khidmat Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN).

Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, majlis berkenaan diadakan bagi meraikan bakal jemaah haji yang akan berangkat ke Tanah Suci mengerjakan haji.

“Sebagai sebuah kerajaan berjiwa rakyat, kita faham debaran yang dilalui bakal tetamu Allah.

“Selamat berangkat ke Tanah Suci dan semoga dianugerahi dengan haji yang mabruk untuk semua,” ucapnya pada Majlis Meraikan Bakal-bakal Haji di sini baru-baru ini.

Majlis diserikan dengan bacaan yasin, jamuan ringan, sesi bergambar dan sesi beramah mesra.

Dalam pada itu, semua bakal jemaah menerima RM100 sebagai sumbangan khas.

Hadir sama, Imam Utama Masjid Daerah Balik Pulau, Ustaz Che Amir Minhat; Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya, Ustaz Muhammad Fauzi Ibrahim; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan pengurus serta setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) DUN Pulau Betong dan Teluk Bahang.



AZIZAH Yunus (dua dari kanan) menerima cek daripada Mansor Othman (dua dari kiri) sambil ditemani Jusni Ismail (kiri sekali) dan Alias Saad (tiga dari kiri) bersempena lawatan khas ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Ular bisa ditangkap pada program gotong-royong



SALAH seorang petugas MPSP sedang memotong dahan pokok yang mengenai pendawaian elektrik bersempena penganjuran program gotong-royong sepada di Kampung Paya di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

SUNGAI DUA – Seekor ular berbisa berjaya ditangkap pada penganjuran program gotong-royong sepada yang disertai kira-kira 150 penduduk sekitar Kampung Paya di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohammad berkata, haiwan reptilia tersebut berjaya ditangkap sekumpulan penduduk yang sedang menebang pokok-pokok dan ranting-ranting pohon yang menghalang laluan masuk ke kampung tersebut.

“Kawasan semak memang tempat

tinggal ular dan haiwan berbisa, jadi bila kita adakan gotong-royong ini, kita dapat elakkan dari haiwan-haiwan tersebut menjadi kawasan semak sebagai sarang,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Program yang bermula seawal jam 8 pagi tersebut dianjurkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pajak Song dengan kerjasama Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah.

Menurut Zahadi, MPSP banyak membantu dalam

menyediakan peralatan gotong-royong terutama lori dan unit menebang pokok. Malah, anggota Pertahanan Awam juga tidak ketinggalan menyertai aktiviti gotong-royong yang diadakan.

“Alhamdulillah, penduduk Kampung Paya sangat ‘supportive’, ringan tulang dan muhibbah. Masing-masing tahu tanggungjawab dalam memastikan kampung mereka sentiasa bersih, indah dan hijau.

“Semua ini demi keselamatan orang kampung juga. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan gotong-royong kali ini,” ujar Zahadi.

Mangsa ribut terima sumbangan

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

TELOK AYER TAWAR

Nasib empat buah keluarga yang menjadi mangsa kejadian ribut di sini baru-baru ini memperoleh perhatian Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman yang hadir menyampaikan sumbangan.

Selain bumbung diterbangkan angin, siling rumah keempat-empat mangsa berkenaan turut mengalami kebocoran sehingga mengakibatkan kerosakan kepada perabot dan

peralatan dalam rumah masing-masing.

Sumbangan khas bencana bernilai RM1,000 masing-masing disampaikan Mansor kepada mangsa, Abdullah Junos, 65, Azizah @ Che Putih Yunus, 66, Puaat Yunus, 55, dan Mohamad Faizal Mohamad Abdul Latif, 24.

Turut hadir, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail; Penolong Pegawai Daerah SPU, Hakmal Efendi Ishak dan Penghulu Telok Ayer Tawar, Alias Saad.

Pesakit lutut terima sumbangan kerusi roda



ABDUL Jalil Che Ros (kanan sekali) bersama Omar Qayyum (kiri) bergambar di samping Hassan Halus di kediamannya di sini.

PRIHATIN... Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya. Nasib seorang warga emas, Hassan Halus, 70-an, yang mengalami sakit lutut sehingga menyebabkannya tidak mampu berjalan memperoleh perhatian daripada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Pegawainya, Abdul Jalil Che Ros bersama Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK)

menyampaikan sumbangan sebuah kerusi roda bagi memudahkan pergerakan Hassan.

Katanya, Hassan pernah mengalami sakit lutut dan terpaksa menggunakan tongkat untuk berjalan. Namun kini, kondisinya semakin meruncing apabila dia tidak lagi mampu untuk berjalan kerana kesakitan setiap kali bergerak.

“Bermacam-macam jenis ubat-ubatan di penjuru meja di bilik tidur dia.

“Amat sedih apabila tengok dia bergerak, sangat sukar. Jadi kita ambil inisiatif untuk menyumbang kerusi roda, bagi memudahkan dia bergerak,” katanya di sini baru-baru ini.



Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat



DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS